Hujung Minggu

Pelita BRUNEI

ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

TAHUN 63 / BILANGAN 42

7 APRIL 2018 / 1439 رجب 20

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"BETA minta kepada para pelajar, supaya menghargai kemudahan-kemudahan pendidikan yang disediakan oleh kerajaan. Setiap penerima Biasiswa, mestilah menunjukkan komitmen dan kesetiaan mereka terhadap tanahair, dengan cara, apabila telah selesai menamatkan pengajian kelak, mereka tidak akan mungkir untuk menabur bakti kepada negara. Inilah namanya semangat patriotisme."
- Titah Sempena di Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalamyang berada di Australia pada 17 Mac 2018.

مانيسڠ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"DAN tidaklah hamba-Ku mendekatkan diri kepada-Ku dengan sesuatu yang lebih Aku cintai daripada ia mengerjakan apa yang telah Aku wajibkan kepadanya. Dan tidaklah hamba-Ku sentiasa mendekatkan diri kepada-Ku (setelah menjalankan yang wajib) dengan amal-amal sunnah sehingga Aku mencintainya."
- (Riwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda)

**Waktu Sembahyang**

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.49 | 4.59 | 6.17 | 6.39 | 12.24 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

# Berangkat ke Majlis Penganugerahan The Sultan of Brunei Prize and Celebratory Dinner



Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Khamis, 5 April. - Paduka anakanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan The Sultan of Brunei Prize and Celebratory Dinner yang bertempat di Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom pada hari Khamis, 5 April 2018.

Ke muka 3

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah Sultan Of Brunei Prize kepada Pengasas Presiden Bank Pembangunan Islam, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Mohamed Ali sebagai penerima dalam kategori individu pada Majlis Penganugerahan The Sultan of Brunei Prize and Celebratory Dinner yang bertempat di Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.**

# Jumlah ketibaan pelancong antarabangsa meningkat

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 April. - Pada tahun 2017, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah meningkat sebanyak 18.3 peratus daripada 218,809 pelancong pada tahun 2016 kepada 258,955 pelancong yang mana kenaikan ini telah melebihi pencapaian yang disasarkan pada tahun 2017, iaitu sebanyak 10 peratus. Pencapaian ini telah merekodkan ketibaan pelancong antarabangsa melalui udara yang tertinggi sejak tahun 2011, iaitu seramai 242,061 pelancong.

Dalam tempoh tiga tahun yang lepas, pertumbuhan ketibaan pelancong telah menunjukkan kesan positif yang berterusan dalam industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam dengan catatan yang mantap berakhirnya tahun 2017 sebanyak 18.3 peratus (y-o-y). Ini terutamanya disebabkan oleh permintaan perjalanan (*travel demand*) yang tinggi dari pasaran-pasaran utama sejak bulan Januari 2017, pengenalan dan penambahbaikan kepada beberapa produk-produk pelancongan; peningkatan perhubungan udara (*air connectivity*) yang berterusan daripada Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan Penerbangan Lucky Air.

Melalui pengenalan perkhidmatan baharu bagi pelancong-pelancong dari Republik Korea dan Republik Rakyat China dan penambahbaikan kepada kemudahan perjalanan (*travel facilitation*) melalui pengenalan *visa on arrival* dan *multiple entry visa* kepada kewargaan dari Republik Rakyat China dan Taiwan.

Ke muka 13


IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn




Muka 6

382 pesara JPM terima penghargaan



Muka 12

Brunei tuan rumah Mesyuarat Ke-7 HAPUA WG

# Pemilihan satu kepercayaan, amanah yang memerlukan komitmen dan mesti ditanai

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiyaie Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

Mengadap ke hadapan majlis,

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita Hamba Duli Tuanku dan bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para pemimpin persatuan sukan, para atlet dan jurulatih, menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komawel Kali Ke-21 di Gold Coast Australia pada pagi ini. Abis Hamba Duli Tuanku menyembahkan berbanyak-banyak syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua abis Hamba Duli Tuanku dapat berkumpul dalam Majlis ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini amatlah disanjung tinggi, dan mencerminkan sifat keprihatinan Duli Tuanku yang mendalam ke arah kemajuan dan pembangunan sukan di negara ini. Abis Hamba Duli Tuanku menjunjung kasih setinggi-tingginya atas pemedulian dan sokongan yang berterusan yang mendorong ke arah peningkatan hal ehwal sukan di negara ini.

Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita Hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan Duli Tuanku untuk menyampaikan sepatah dua kata nasihat kepada atlet-atlet dalam Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Ke-21.

Yang Mulia Ms Carol Allnutt, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Mejar (B) Md. Talip bin Md Tahir, Penolong Setiausaha Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam selaku Chef de Mission

Yang Mulia Ahli-Ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai dan para peserta kontinjen serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu, izinkan peramba / saya dan bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kontinjen Negara Brunei Darussalam menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas limpah kurnia perkenan baginda bagi Negara Brunei Darussalam menyertai Sukan Komanwel Kali Ke-21 di Gold Coast, Australia yang akan diadakan pada 4 hingga 15 April 2018.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam sembah alu-aluan pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Kali Ke-21 Gold Coast, Australia pada 4 hingga 15 April 2018 pada Sabtu, 6 Rejab 1439 Hijrah / 24 Mac 2018 Masihi di Bilik Hijau Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

Dalam kesempatan awal ini, peramba / saya sukacita merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada atlet boling padang yang terpilih untuk mewakili Negara Brunei Darussalam ke kejohanan yang berprestij dan bertaraf antarabangsa ini. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada prestasi, pencapaian dan juga potensi tinggi abiskita sepertimana yang ditunjukkan semasa Sukan Asia Tenggara (SEA Games) di Kuala Lumpur pada tahun 2017. Sama-samalah kita ingat-mengingati bahawa pemilihan ini adalah satu kepercayaan dan amanah yang memerlukan komitmen dan mesti ditanai dengan sepenuhnya kerana abiskita adalah wakil negara yang akan mengibarkan bendera kita nanti di Gold Coast.

Seperti yang kita maklumi, penyertaan Kontinjen Negara Brunei Darussalam di Sukan Komanwel yang dianjurkan oleh Commonwealth Games Federation (CGF) bukanlah kali yang pertama. Kali terakhir negara kita menyertainya adalah pada Tahun 2014 di Glasgow, Scotland. Penyertaan yang berterusan menunjukkan komitmen negara di temasya sukan di peringkat antarabangsa walaupun kita adalah negara yang kecil. Dalam masa yang sama, ia menunjukkan komitmen negara kepada pertubuhan Komanwel. Apa yang turut penting, penyertaan ini juga akan memberikan platform kepada atlet kita untuk bersaing dengan atlet yang bertaraf elit. Kita yakin pembinaan pengalaman dan pendedahan ini, setentunya akan mempertingkatkan dan memperkasakan lagi kekuatan fizikal mahupun mental para atlet.

Peramba / saya, seterusnya menasihatkan dan mengingatkan kepada para atlet boling padang untuk sentiasa bersemangat tinggi, kental, tidak kalah bulu dan terus berjuang dengan tidak mengenal erti kalah sesenangnya. Ini amat memerlukan para atlet untuk berjuang dalam Satu Pasukan, Satu Pemikiran dan Satu Matlamat iaitu Untuk Mencapai Yang Terbaik Demi Negara.

Dalam masa yang sama, abiskita adalah Duta Negara kita di mata dunia. Imej dan nilai-nilai keBruneian serta budaya dan tradisi Brunei yang indah mestilah sentiasa di tunjukkan, dipraktikkan dan disemai disepanjang temasya Sukan Komanwel.

Para atlet, jagalah diri serta kesihatan dan sama-samalah mengukuhkan dan membina talian silaturahim dalam kalangan para peserta yang turut mengambil bahagian. Sentiasalah patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan jangan sekali-kali melanggar peraturan tersebut bagi mengelakkan dari perkara-perkara yang tidak diingini.

InsyaaAllah, dengan kerjasama padu yang berterusan daripada para atlet dan jurulatih, Negara Brunei Darussalam akan dapat memajukan sukan ke arah kecemerlangan di peringkat Antarabangsa. Selamat berjuang dan sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus memberikan kekuatan dan kejayaan kepada para atlet boling padang.

Beribu ampun,

Sekali lagi, Hamba Duli Tuanku menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyerahan Bendera pada pagi ini. Sebelum Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha berundur diri, Hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat serta takzim menjunjung ampun ke hadapan majlis Duli Tuanku jika terdapat kata-kata yang kurang manis atau suruk langkah yang tidak disenghajakan di dalam sembah Hamba Duli Tuanku dan pengendalian pelaksanaan majlis pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Menjunjung Anugeraha.

## Dari Sidang Pengarang.

**7 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 20**

### PELBAGAI USAHA DAN INISIATIF MAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN

**SERUAN** serta gagasan untuk mempelbagaikan ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas sering kali dilaung-laungkan. Justeru dalam menyahut seruan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara, pelbagai langkah dan inisiatif dirancang dan diperkenalkan.

Salah satu bidang yang berpotensi untuk diterokai ialah sektor pelancongan. Walaupun sektor pelancongan di negara ini kecil jika dibandingkan negara-negara lain, ia tetap memberikan sumbangan kepada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Namun usaha sepadu diperlukan ke arah perkembangan sektor ini kerana ia memerlukan sokongan dari semua pihak untuk memastikan kejayaannya.

Usaha-usaha berkenaan sudah mula menampakkan impak yang positif dan ini lebih ketara lagi melalui statistik dari Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menunjukkan bahawa pada tahun 2017, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei meningkat sebanyak 18.3 peratus daripada 218,809 pelancong pada tahun 2016 kepada 258,955 pelancong. Kenaikan ini melebihi pencapaian yang disasarkan pada tahun 2017 iaitu sebanyak 10 peratus.

Pencapaian ini merekodkan ketibaan pelancong antarabangsa melalui udara yang tertinggi sejak tahun 2011, iaitu seramai 242,061 pelancong.

Antara faktor-faktor menyumbangkan kepada kenaikan jumlah pelancong antarabangsa ke negara ini ialah; pengenalan dan penambahbaikan beberapa produk-produk pelancongan; pengenalan *visa on arrival* kepada rakyat dari Republik Rakyat China dan Taiwan; dan pengenalan perkhidmatan baharu melalui penerbangan RB (Royal Brunei) dan Lucky Air bagi membawa pelancong-pelancong dari Republik Rakyat China dan Republik Korea Selatan.

Satu faktor utama yang juga menarik kedatangan pelancong pada tahun lepas ialah kegemilangan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada 5 Oktober 2017.

Dengan memberikan penekanan terhadap perkembangan sektor ini, ia bukan sahaja memberikan kesan terhadap industri pelancongan malahan secara tidak langsung juga merangsang sektor-sektor lain untuk menambahbaik mutu perkhidmatan serta produk masing-masing seperti pengangkutan, perhotelan dan lain-lain serta pengukuhan perundangan dan peraturan serta meningkatkan standard piawaian.

Dalam memastikan kualiti dan kompetensi setiap Pemandu Pelancong mengikut standard yang ditetapkan, kursus-kursus juga disediakan. Antara kursus yang dimaksudkan ialah Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dikendalikan selama 21 hari bagi Pemandu Pelancong untuk mendapatkan lesen sebagai Pemandu Pelancong sebelum melaksanakan perkhidmatan sebagai Pemandu Pelancong di negara ini. Manakala Tourist Guide Bridging Course yang dikendalikan selama lima hari adalah bagi Pemandu Pelancong yang sedia ada yang berkemahiran dan mempunyai pengalaman yang luas sebagai Pemandu Pelancong.

Baru-baru ini juga seramai 13 Pemandu Pelancong yang lulus dalam Kursus Asas Pemandu Pelancong (Basic dan Bridging) menerima sijil masing-masing. Sementara itu kursus-kursus kendalian kerjasama di antara JKP dan Laksamana College of Business sejak tahun 2016 telah menghasilkan seramai 127 Pemandu Pelancong yang berlesen.

Di antara objektif utama kursus-kursus ini diadakan, di samping memastikan kualiti dan kompetensi setiap Pemandu Pelancong mengikut standard yang ditetapkan, ia juga adalah untuk menyelaras maklumat atau informasi yang disalurkan oleh setiap Pemandu Pelancong; membuka peluang-peluang pekerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan; dan sebagai prasyarat bagi permohonan Lesen Pemandu Pelancong seperti yang digariskan di dalam undang-undang yang baharu, iaitu Perintah Pelancongan, 2016 yang mana membolehkan Jabatan Kemajuan Kemajuan dalam pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas perkhidmatan tersebut.

Sektor pelancongan mempunyai potensi yang besar untuk diterokai dan boleh menyumbang ke arah hasil KDNK. Adalah diharap dengan usaha-usaha yang dirancang dan dilaksanakan akan terus memberikan impak yang positif ke arah perkembangan sektor ini. **- Ketua Penyuntingan (Ss).**

### RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 25 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 25 °C | 32 / 26 °C | 32 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

### WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | SABTU | 20 | 4.49 | 4.59 | 6.17 | 6.39 | 12.24 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |
| 8 | AHAD | 21 | 4.49 | 4.59 | 6.16 | 6.39 | 12.23 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |
| 9 | ISNIN | 22 | 4.48 | 4.58 | 6.16 | 6.38 | 12.23 | 3.28 | 6.28 | 7.38 |
| 10 | SELASA | 23 | 4.48 | 4.58 | 6.16 | 6.38 | 12.23 | 3.28 | 6.28 | 7.38 |
| 11 | RABU | 24 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.29 | 6.28 | 7.37 |
| 12 | KHAMIS | 25 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.28 | 7.37 |
| 13 | JUMAAT | 26 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berangkat ke Majlis Penganugerahan The Sultan of Brunei Prize and Celebratory Dinner



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah Sultan of Brunei Prize kepada Naib Presiden Bank Pembangunan Islam, Dr. Zamir Iqbal bagi pihak Bank Pembangunan Islam sebagai penerima dalam kategori institusi.

Dari muka 1

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen di The Oxford Centre for Islamic Studies dialu-alukan oleh Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies, Dr. Farhan Nizami dan The Vice Lord Lieutenant of Oxfordshire, Mr. John Harwood DL.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat ke Lower Hall bagi menandatangani Buku Lawatan dan berkenan menyaksikan pameran 'The Exhibition of The Sultan of Brunei Programme' di Pusat berkenaan.

DYTM kemudiannya dijunjung berangkat masuk ke Auditorium bagi Majlis Penganugerahan Sultan of Brunei Prize dan seterusnya dijunjung mengambil tempat yang dikhaskan.

Majlis Penganugerahan Sultan of Brunei Prize didahului dengan bacaan Al-Quran oleh Pegawai Kanan di Oxford Centre for Islamic Studies, Dr. Talal Al Azem, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies, Dr. Farhan Nizami dan pengumuman penerima-penerima anugerah Sultan of Brunei Prize.

DYTM kemudiannya berkenan untuk mengurniakan anugerah Sultan of Brunei Prize mula-mula kepada Tuan Yang Terutama Dr. Ahmad Mohamed Ali selaku Pengasas Presiden Bank Pembangunan Islam sebagai penerima dalam kategori individu dan seterusnya kepada Naib Presiden Bank Pembangunan Islam, Dr. Zamir Iqbal, bagi pihak Bank Pembangunan Islam sebagai penerima dalam kategori institusi di atas kejayaan masing-masing dalam mempromosikan Kewangan Islam.

Dalam majlis berkenaan, Pengasas Presiden Bank Pembangunan Islam, TYT Dr. Ahmad Mohamed Ali juga telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan dengan diikuti oleh Naib Presiden Bank Pembangunan Islam, Dr. Zamir Iqbal bagi mewakili Bank Pembangunan Islam. Sembah ucapan penutup juga telah disampaikan oleh The Vice Lord Lieutenant of Oxfordshire, Mr. John Harwood DL.

DYTM juga berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang diadakan di Hall Oxford Centre for Islamic Studies yang dihadiri sama oleh para jemputan khas yang terdiri daripada para diplomat orang-orang kenamaan, wakil daripada City of London dan Ahli-ahli Kanan Oxford University dan juga pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London.

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen di The Oxford Centre for Islamic Studies dialu-alukan oleh Pengarah Oxford Centre for Islamic Studies, Dr. Farhan Nizami.

# Lebih 700 sertai Majlis Khatam di BSB





HADIR mengimarahkan majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman. Sementara gambar kiri, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil menyertai membaca ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juzuk 1.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 April. - Seramai 1,708 peserta terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan penuntut-penuntut sekolah dari seluruh negara memulakan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara acara tertumpu di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dengan 702 penyertaan.

Berangkat menyertai majlis berkenaan ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil bagi mewakili Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah, Kampung Kilanas. Hadir mengimarahkan majlis berkebajikan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 bagi Tahun 2018; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku-Pemangku Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Pendidikan; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian - kementerian berkenaan.

Ke muka 6

## Majlis Khatam MPMK, penuntut sekolah dilancarkan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Khamis, 5 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-Penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun diadakan di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Pada tahun ini, Daerah Tutong menerima seramai 432 penyertaan yang terdiri daripada 35 lelaki dewasa, 35 wanita dewasa, 35 belia, 35 beliawanis, 86 kanak-kanak lelaki, 86 kanak-kanak perempuan, 60 pelajar Kementerian Pendidikan (lelaki) dan 60 pelajar Kementerian Pendidikan (perempuan).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara daerah ini, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Terdahulu, Surah Al-Fatihah dibacakan beramai-ramai diketuai oleh tetamu kehormat dengan niat khas pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam berkenaan diikuti dengan pembacaan ayat-ayat suci dari juz pertama.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa khusus bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah negara ini dengan hidayah dan petunjuk dari-Nya.

Tujuan majlis tersebut diadakan ialah bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan negara ini di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

## Masjid Utama Mohammad Salleh tumpuan Majlis Khatam Al-Quran



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman (lima, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TEMBURONG**, Khamis, 5 April. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan bagi Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-Penuntut Sekolah Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Bagi Tahun 2018 bagi Daerah Temburong.

Penyertaan di Daerah Temburong tahun ini, berjumlah 182 peserta terdiri daripada 18 lelaki dewasa, 18 wanita dewasa, 35 belia, 35 beliawanis, 35 kanak-kanak lelaki, 33 kanak-kanak perempuan, lima pelajar Kementerian Pendidikan (Lelaki), lima pelajar Kementerian Pendidikan (Perempuan).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai Daerah Temburong, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-Ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal, ahli-ahli takmir masjid dan anak-anak buah kampung.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu kehormat dengan niat khas Pembacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam Ahli-Ahli MPMK dan Penuntut-Penuntut Sekolah Seluruh Negara dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama dimulakan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa khusus bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

# 67 terima Anugerah Pelajar Cemerlang PSR 2017 SR YSHHB



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar juga selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan anugerah pelajar cemerlang kepada cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar.



AWANG Abdul Qawi bin Khairul Shaharim.



DAYANG Elsa Rania binti Haji Mohd Haizam.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Seramai 67 pelajar terdiri daripada 28 lelaki dan 39 perempuan menerima Anugerah Pelajar Cemerlang PSR 2017 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bertempat di Dewan sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis penyampaian anugerah, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar juga selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Terlebih dahulu dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi antara lain menyatakan, majlis adalah sebagai penyuntik inspirasi dan motivasi kepada warga sekolah terutama sekali para pelajar Tahun 6 tahun ini untuk terus berusaha dalam mencapai kemajuan dan kejayaan yang cemerlang.

"Tidak dapat dinafikan sokongan dan kerjasama yang padu ibu bapa adalah penyumbang yang sangat besar dalam kejayaan semua pelajar hari ini," katanya lagi.

Antara para penerima anugerah pelajar cemerlang yang mendapat 5A ialah cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pengiran Nur Aabidah Syifa binti Pengiran Anak Haji Mohammed Al-Mokhtar.

Pada majlis itu, Pelita Brunei telah sempat menemui dua pelajar cemerlang iaitu Awang Abdul Qawi bin Khairul Shaharim dan Dayang Elsa Rania binti Haji Mohd Haizam.

Awang Abdul Qawi melahirkan rasa syukur kerana telah berjaya mendapat 5A dan memilih untuk meneruskan pembelajarannya di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para guru yang selama ini mengajar saya dan kedua ibu bapa serta keluarga kerana terus memberi sokongan kepada saya," ujarnya.

Dayang Elsa Rania pula memilih untuk terus menuntut di Sekolah Menengah YSHHB kerana beliau sudah biasa dengan suasana sekolah berkenaan dan yakin di manapun beliau bersekolah, beliau masih mampu membuat yang terbaik di peperiksaaan akan datang.

Ditanya mengenai persiapan perperiksaan, beliau menyatakan beliau hanya mengikuti kelas tusyen bagi matapelajaran Matematik sahaja sementara yang lain beliau hanya mengikuti kelas tambahan yang diadakan di sekolah.

"Saya tidak menyangka saya mampu mendapat 5A dan alhamdullilah ini semua adalah berkat doa kedua ibu bapa dan usaha yang sayang lakukan selama ini dan sokongan guru-guru yang tidak pernah jemu mengajar," ujarnya.

# Zakat menyucikan harta



KETUA Seksyen Kutipan, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohd Khalid bin Haji Timbul (kiri) dan Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi (kanan) membincangkan mengenai zakat dalam Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan kemahiran berkaitan bab Perkiraan Zakat, seramai 38 peserta terdiri daripada golongan mualaf, masyarakat awam dan ahli jawatankuasa takmir masjid telah menghadiri Bengkel Aplikasi Mazhab Syafi'i yang diadakan di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Bengkel anjuran Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengetengahkan dua pemudah cara bagi melaksanakan bengkel secara teori dan praktikal, iaitu Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi dan Ketua Seksyen Kutipan, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohd. Khalid bin Haji Timbul.

Zakat, jelas Dr. Haji Abdurrahman dari segi bahasa membawa maksud bersih, suci, subur dan bertambah kebajikan, manakala dari segi syarak membawa maksud mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu banyaknya dan jenisnya untuk diberikan kepada orang yang berhak dan layak menerimanya.

Sementara itu, Ketua Seksyen Kutipan, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat MUIB, Awang Haji Mohd. Khalid bin Haji Timbul membincangkan mengenai pengiraan zakat harta dan emas.

Menurut beliau lagi, zakat emas yang wajib dikeluarkan iaitu sebanyak 2.5 peratus atau 1/40 daripada emas tersebut apabila cukup haul dan nisabnya.

Bengkel bertujuan bagi memberikan kefahaman dan penghayatan kepada para peserta akan kepentingan zakat serta pendedahan mengenai kaedah untuk perkiraannya dan dalam masa yang sama turut memberi nilai tambah serta menyebarluaskan lagi ilmu berkaitan dengan zakat.

# Dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan rasuah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Seorang warganegara tempatan, Dayang Alina binti Mohd. Ariffin telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas enam (6) pertuduhan di bawah Bab 6(c) Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131).

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa tertuduh di antara bulan Januari 2008 hingga Jun 2009 telah memberikan enam (6) borang permohonan bagi mendapatkan Kad Pengenalan Hijau, Negara Brunei Darussalam yang diterima daripada warga asing, iaitu rakyat Indonesia dan Filipina kepada Kerani Pendaftaran yang bertugas di Bahagian Kad Pengenalan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, di mana tertuduh mengetahui borang permohonan tersebut mengandungi keterangan palsu yang mana warga-warga asing berkenaan tidak pernah bekerja sebagai buruh dan pembantu rumah seperti dinyatakan di borang permohonan tersebut.

Semasa tertuduh dihadapkan ke Mahkamah, tidak ada pengakuan diambil di hadapan Majistret dan kes ini akan disebut pada 18 April 2018 bagi memberi ruang kepada tertuduh untuk mendapatkan khidmat guaman.

Majistret Kanan kemudian telah membenarkan tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin sebanyak BND5,000 (Brunei Lima Ribu Ringgit) atau seorang penjamin tempatan. Pendakwaan bagi kes ini dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Awang Shamsuddin bin Haji Kamaluddin.

# 382 pesara JPM terima penghargaan





MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menyampaikan Sijil Persaraan kepada para pesara warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015 - 2017 (kiri dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Seramai 382 pegawai dan kakitangan yang bersara pada Oktober 2015 hingga Disember 2017 termasuk para pegawai dan kakitangan Jabatan Tenaga dan Perindustrian diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil dan cenderahati kepada para pesara ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohd. Hafizzuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Setiausaha Tetap di JPM, Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dalam ucapannya selaku Pengerusi Majlis antara lain menyatakan bahawa majlis itu adalah salah satu tanda penghargaan kepada para pesara yang telah lama mencurahkan jasa bakti dan tenaga ke arah pemberian perkhidmatan kerajaan yang efisien termasuklah mendukung inisiatif mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Tambahnya, kerajaan amatlah memerlukan sokongan padu daripada rakyat dan penduduk dalam memperkukuhkan lagi kestabilan sosioekonomi negara ini.

Ini katanya selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini yang mana baginda menekankan kepentingan untuk menggembleng tenaga bagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Majlis tersebut adalah sebagai tanda penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah menyumbangkan masa dan tenaga selama menjalankan tugas dalam perkhidmatan awam, khususnya di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya selaras dengan tema majlis itu 'Jasa Bakti Biskita Dikenang'.

Acara itu diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohd. Hafizzuddin.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, serta pegawai-pegawai dan kakitangan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2015 - 2017.

# 412 sertai 72 kali khatam



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (dua, kanan) semasa hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim Dan Kampung Dan Penuntut-Penuntut Sekolah Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**KUALA BELAIT,** Khamis, 5 April. - Seramai 412 peserta diraikan pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim Dan Kampung Dan Penuntut-Penuntut Sekolah Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Bagi Daerah Belait Tahun 2018 di Masjid Zainab, Lumut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Ia dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat dengan niat khas pembacaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-72 Tahun.

Majlis kemudiannya diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz pertama dan diakhiri dengan bacaan doa Allah Peliharakan Sultan.

Ia juga diadakan bagi mendukung hasrat Kebawah DYMM untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan rakyatnya celik Al-Quran.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Hussain; Pegawai Daerah Belait, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai kerajaan.

Dari muka 4

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu-tetamu kehormat bersama diikuti doa niat khusus yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awangku Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sallehuddin.

Majlis Khatam Al-Quran 72 Kali Khatam adalah bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 bagi Tahun 2018 dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama dimulakan.

Majlis tersebut adalah bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, majlis juga bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala, atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera selain bagi mendukung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan rakyatnya celik Al-Quran.

Pada tahun ini, para peserta Daerah Brunei dan Muara terdiri daripada 35 lelaki dewasa, 35 wanita dewasa, 70 belia dan beliawanis, 86 kanak-kanak lelaki, 86 kanak-kanak perempuan dan 195 orang masing-masing pelajar lelaki dan perempuan Kementerian Pendidikan.

Secara keseluruhannya, peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-Ahli MPMK di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili daripada sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah seluruh negara dari Kementerian Pendidikan.

Bacaan Doa Khusus mengakhiri majlis bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

# Mufti Kerajaan terima kunjungan hormat perpisahan



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hisham bin Abdul Wahab bin Abdullah Zaraa yang akan menamatkan tempoh perkhidmatannya.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat perpisahan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hisham bin Abdul Wahab bin Abdullah Zaraa.

Kunjungan itu berlangsung di pejabat Yang Berhormat Pehin di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 Januari 2015.

TYT akan menamatkan tempoh perkhidmatannya dan dijangka akan meninggalkan negara ini pada minggu kedua bulan April ini.

# 16 anggota bomba kanan dinaikkan pangkat

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS,** Khamis, 5 April. - Seramai 16 ahli Bomba Kanan dinaikkan pangkat kepada Penolong Pegawai Balai pada Majlis Penyampaian Tanda Pangkat yang berlangsung di Mes Pegawai, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Landasan Terbang Lama, Berakas.

Hadir menyampaikan tanda pangkat ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan.

Anggota Bomba Kanan yang dinaikkan pangkat menjadi Penolong Pegawai Balai adalah ABK 280 Pengiran Anak Haji Yunsi bin Pengiran Anak Saifuddin; ABK 271 Awang Haji Omar bin Bakar; ABK 451 Awang Mohd. Azize bin Othman; ABK 82 Awang Ahmad bin Haji Mohd. Kasim; ABK 998 Awang Haji Abdul Gapar bin Haji Abdul Harun; ABK 997 Awang Metussin bin Haji Menudin; ABK 631 Awang Haji Fadli bin Haji Damit; ABK 10 Awang Haji Ali bin Mat Yassin; ABK 175 Awang Ramli bin Haji Ismail; ABK 210 Awang Ibrahim bin Suhaili; ABK 611 Awang Muhd. Ermie Hasbullah bin Abdullah Mahari @Imerogih bin Mahari; ABK 1139 Pengiran Musariffian bin Pengiran Haji Mustapa; ABK 452 Awang Johari bin Haji Abu Bakar; ABK 284 Awang Muhd. Ali bin Haji Hamran; ABK 535 Awang Shafiee bin Abdul Wahab dan ABK 644 Awang Haji Mohd. Saiful bin Mohd. Zainal.

Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Ketua Guru Ugama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Awang Othman bin Asat.

Juga hadir ialah penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan dari JBP serta ahli-ahli keluarga penolong-penolong pegawai yang diraikan.



TIMBALAN Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan semasa menyempurnakan penyampaian tanda pangkat pada majlis tersebut.

# Jamuan Makan Malam raikan delegasi ASEAN TFWG Ke-35



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi (dua, kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Jamuan Makan Malam Perpisahan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan menyampaikan cenderahati kepada wakil delegasi yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Delegasi Mesyuarat Kumpulan Kerja Fasilitasi Pengangkutan ASEAN (ASEAN TFWG) Ke-35 diraikan dengan Jamuan Makan Malam Perpisahan berlangsung di Restoran Makanan Laut The Horizon di ibu negara di sini.

Hadir menyerikan majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi.

Dr. Awang Haji Supry dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada pemimpin dan perwakilan TFWG atas komitmen, sokongan dan perpaduan dalam melaksanakan langkah-langkah pengangkutan, ke arah merealisasikan wawasan 'ASEAN Connectivity 2025' ke arah mencapai ASEAN yang bersepadu dan komprehensif dan bersepadu yang akan menggalakkan daya saing, inklusif dan kemasyarakatan yang lebih besar.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan cenderahati kepada perwakilan delegasi yang mengikuti mesyuarat selama tiga hari di Negara Brunei Darussalam.

Lebih 70 penyertaan bersidang kali ini termasuk delegasi-delegasi dan pegawai-pegawai dari negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun (MLIT), Persatuan Federasi Forwarders (AFFA) dan Federasi Trak ASEAN (ATF) serta Kerjasama Integrasi Serantau ASEAN dan Jepun dengan Sokongan EU (ARISE) selaku rakan Dialog ASEAN, AFFA dan ATF.

Mesyuarat TFWG kali ini antara lain membincangkan pelaksanaan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN yang telah ditandatangani dalam Pengangkutan Penumpang Merentas Sempadan oleh Kenderaan Jalan Raya (Cross-Border Transport of Passengers by Road Vehicles - CBTP), yang akan memudahkan pergerakan melintasi sempadan penumpang antara negara anggota ASEAN ke arah peningkatan kesalinghubungan *People-to-People* serta mempromosikan pelancongan dan pelaburan di rantau ini.

Selain itu, sidang mesyuarat tiga hari itu juga membincangkan pencapaian kemajuan negara anggota ASEAN dalam melaksanakan perjanjian rangka kerja pemudah pengangkutan barangan ASEAN dan protokolnya dalam memenuhi tempoh masa yang diberikan di Pelan Strategik Kenderaan Kuala Lumpur yang mana perjanjian tersebut merangkumi Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pemudahan Barangan dalam Transit, Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Fasilitasi Pengangkutan Antara Negara dan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pengangkutan Multimodal.

# Himpunan bahan terbitan konsep MIB





AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu semasa merasmikan Sudut Melayu Islam Beraja (MIB) di Tingkat 3, Koleksi Pengajian Brunei, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat diberikan penerangan mengenai sistem pengguna mencari bahan-bahan MIB.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Lebih 900 bahan terbitan dalam bentuk buku, artikel, keratan surat khabar dan video tentang konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) berjaya dikumpulkan dalam Sudut MIB di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sudut MIB ini diusahakan oleh lima mahasiswa / mahasiswi Tahun Akhir Akademi Pengajian Brunei (APB) dengan kerjasama dan sokongan APB, Perpustakaan UBD dan Sekretariat Pejabat Majlis Tertinggi MIB.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Sudut MIB disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu di Tingkat 3, Koleksi Pengajian Brunei, Perpustakaan UBD.

Projek Sudut MIB yang diselia oleh Pensyarah APB, Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim itu bertujuan untuk memberikan kemudahan yang mesra pengguna kepada para pelajar, pengkaji dan orang ramai yang ingin mengetahui dan mendalami lagi tentang konsep negara MIB.

Pengerusi Projek, Awang Mohammad Fadzli bin Hussin dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut menjelaskan, penubuhan sudut tersebut setentunya memberi peluang dan membantu mempermudahkan dan mempercepatkan para pengguna untuk mencari maklumat berkaitan dengan MIB.

Menurutnya, dua buah buku MIB yang baharu diterbitkan pada tahun 2018 ialah buku 'MIB dalam Sistem Pendidikan Negara Abad 21' hasil penulisan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, terbitan Jabatan Sekretariat Majlis Tertinggi MIB dan buku 'Calak Bangsa : Brunei Kekal sebagai Negara MIB kerana Brunei tetap mengekalkan pegangannya yang kuat kepada ajaran Islam' hasil penulisan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam juga telah dimuatkan dalam Sudut MIB ini.

"Oleh yang demikian, bahan-bahan MIB yang telah dikumpulkan dan disatukan dalam sudut ini, diharap akan dapat membantu, memudahkan dan mempercepatkan para pengguna dalam mencari bahan-bahan MIB," ujar beliau.

Penyediaan Sudut MIB ini adalah bagi merealisasikan salah satu pelan tindakan strategik Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, iaitu menubuhkan Sudut MIB di institusi-institusi pendidikan.

Dengan itu, diharapkan Sudut MIB di Perpustakaan UBD ini, akan menjadi perintis dan pendukung awal kepada penubuhan Sudut-sudut MIB di institusi-institusi pendidikan di seluruh negara.

Turut hadir semasa majlis perasmian tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, Pengarah APB, Ketua Pustakawan UBD, para pensyarah, pegawai dan kakitangan Perpustakaan UBD.

# Bakal Jemaah Haji Temburong ikuti kursus haji

**Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**TEMBURONG,** Jumaat, 6 April. - Daerah Temburong mencatatkan seramai 24 bakal jemaah haji akan menunaikan ibadat Rukun Islam kelima, iaitu mengerjakan Fardu Haji pada tahun ini.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji memgendalikan Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1439H / 2018M diadakan di Sekolah Persediaan Arab, Pekan Bangar di sini.

Kursus yang dijalankan secara berasingan itu disampaikan oleh pembimbing-pembimbing kursus yang dipilih iaitu Awang Haji Yusof bin Haji Ahad bagi peserta lelaki sementara Dayang Hajah Noorhayati binti Haji Md. Yassin bagi bakal jemaah haji perempuan.

Kursus berkenaan diadakan setiap hari jumaat dan Ahad dalam 12 sesi.

Modul kursus merangkumi pendedahan asas tajuk-tajuk berkaitan Ibadat Haji iaitu di minggu pertama dan kedua antaranya penerangan mengenai haji suatu kefardhuan, jihad serta termasuk hikmah serta fadilatnya.

Menerusi kursus ini juga, bakal jemaah haji ditekankan tentang perlunya mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi demi kebajikan dan kebaikan bersama.



PARA jemaah lelaki semasa mengikuti Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1439H / 2018M bagi Daerah Temburong bertempat di Sekolah Persediaan Arab, Pekan Bangar.

# Pembayaran pakej bakal jemaah haji

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa pembayaran pakej haji bagi Musim Haji Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi akan bermula Isnin, 22 Rejab 1439 Hijrah bersamaan 9 April 2018 Masihi sehingga Jumaat, 11 Syaaban 1439H bersamaan 27 April 2018M.

Sehubungan itu, bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Musim Haji Tahun 1439H / 2018M adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran pakej haji kepada Syarikat Operator Haji yang telah dipilih pada tarikh yang telah ditetapkan.

Nama bakal jemaah haji yang membuat pembayaran pakej haji akan dihadapkan ke Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi melalui sistem pendaftaran haji e-Haji Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi bagi urusan-urusan pengeluaran visa sebagaimana yang ditetapkan oleh kementerian berkenaan.

Kegagalan bakal jemaah haji berbuat demikian akan menjejaskan proses-proses pengeluaran visa haji.

Bakal jemaah haji bolehlah berhubung terus kepada Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Raudah Al Amin Sendirian Berhad dan At-Taqwa Travel Tours Sendirian Berhad untuk sebarang maklumat lanjut mengenai jadual pembayaran tersebut.

# Kursus Ibadat Haji serentak di seluruh negara





TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa meninjau Kursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1439H/2018M di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom semasa meninjau lebih dekat di kawasan meja pendaftaran kedatangan para bakal jemaah haji.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 April. - Dalam usaha membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan seterusnya melakukan ibadat haji dengan sempuna, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji telah mengadakan Kursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1439H/2018M bermula hari ini, serentak di seluruh daerah.

Kursus itu merupakan aktiviti tahunan yang diungkayahkan oleh Jabatan Urusan Haji kepada bakal jemaah haji negara yang akan menunaikan ibadat haji pada tahun ini.

Sebanyak 12 sesi kursus akan diadakan pada setiap hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bermula pada 6 April hingga 13 Mei 2018M.

Di Daerah Brunei dan Muara, pusat kursus telah diadakan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah.

Hadir bagi meninjau kursus yang dijalankan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Turut serta ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd Yusof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Melalui kursus itu, bakal jemaah haji juga akan dapat memahami hukum hakam ibadat haji yang berpandukan kepada amalan di negara ini yang merujuk kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan agar tidak menimbulkan kewahaman dan keresahan kerana perbezaan pandangan dan hukum terhadap sesuatu isu ibadat haji.

Selain itu, melahirkan keyakinan diri pada bakal jemaah haji untuk mampu berdikari melakukan amal ibadat tanpa bergantung kepada Mutawif berdasarkan kepada kemampuan diri sendiri.

Bakal jemaah haji diberi peluang untuk mengajukan persoalan berkaitan dengan Manasik Haji kepada pengkursus-pengkursus di luar daripada pusat kursus sekiranya diperlukan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Kursus itu juga dihasratkan dapat menanamkan sikap sabar dan meningkatkan takwa terhadap cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dan suasana yang mungkin berbeza dengan suasana di Brunei.

Menerusi kursus itu juga, bakal jemaah haji ditekankan tentang perlunya mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi demi kebajikan dan kebaikan bersama.

Seramai 19 pengkursus ibadat haji dan lima penyelia yang terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai, imam-imam masjid dan guru-guru ugama, pesara-pesara yang berpengalaman dari Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah dilantik oleh Jabatan Urusan Haji.

Kehadiran dan perhatian bakal jemaah haji mengikuti kursus ini adalah sangat penting dan dititikberatkan agar tidak tercicir mendapatkan ilmu Manasik Haji selain memahami pengisian kursus di samping menjadikannya sebagai bekalan diri ketika berada di Tanah Suci agar dapat melaksanakan ibadat haji dengan lebih sempurna dan mendapat keredaan Allah.



BAKAL jemaah haji perempuan semasa mengikuti kursus berkenaan.

# Pesta Pelancongan Darussalam Holdings tawarkan pelbagai promosi

Berita dan Foto: Aimi Sani

**BERAKAS,** Jumaat, 6 April. - Bersempena dengan ke-25 Tahun Penubuhannya, Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) hari ini melancarkan Pesta Pelancongan 2018 bertempat di Atrium Airport Mall, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan pesta tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman juga selaku Ahli Lembaga Pengarah DHSB.

Terdahulu, Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed dalam ucapan alu-aluannya berkata, Pesta Pelancongan 2018 itu merupakan acara yang julung kalinya diadakan oleh DHSB yang bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada semua pelanggan DHSB termasuk jemaah-jemaah haji dan umrah serta pelancongan.

Pesta Pelancongan 2018 itu jelasnya, akan berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat 6 April hingga Ahad 8 April 2018.

DHSB tambahnya, akan menawarkan pelbagai promosi menarik seperti kadar harga tiket penerbangan yang berpatutan, tawaran pakej-pakej umrah dengan potongan harga istimewa, tawaran pakej-pakej pelancongan dalam negeri dan luar negara.

DHSB juga katanya, akan menawarkan promosi lucky draw yang lebih menarik iaitu sebanyak 25 hadiah istimewa akan diberikan dimana sebanyak lima sesi cabutan bertuah akan diberikan sepanjang acara pesta pelancongan ini.

Selain itu, DHSB juga menyediakan beberapa acara keagamaan seperti pertandingan pidato, forum pelancongan Islam, kempen derma darah, klinik ugama dan sebagainya.

Awang Haji Mahmud seterusnya menyatakan bahawa penglibatan peserta-peserta terdiri daripada Syarikat Pengendali Pelancongan, Institusi Mukim dan Kampung dari empat daerah, Perbadanan TAIB dan Insurans Islam TAIB Holdings menampakkan betapa pentingnya peranan *stakeholders* dalam sama-sama terlibat memajukan industri pelancongan di negara ini.

Majlis turut diselajurkan dengan majlis penandatanganan di antara DHSB dan Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC).

Penandatanganan itu merupakan kerjasama DHSB dan MHTC dalam mempromosikan pelancongan perubatan atau Medical Tourism akan bermula dimana pihak MHTC akan menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan perubatan dari beberapa hospital berprestij di Malaysia.




PEMANGKU Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) hadir menyempurnakan pelancaran Pesta Pelancongan 2018.

Manakala DHSB, akan menyediakan kemudahan tiket penerbangan, penginapan, pengangkutan dan yang berkaitan dengannya kepada para pelanggan MHTC.

# Tetapkan niat ketika menunaikan haji

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar meninjau kursus haji yang baru bermula.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 April. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji mengadakan Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji tahun ini untuk memberikan bimbingan, kefahaman dan tunjuk ajar mengenai Manasik Haji serta hukum-hakam mengenainya agar dapat membantu bakal-bakal jemaah haji yang terpilih menunaikan ibadat fardu haji dengan lebih teratur, sempurna dan seterusnya akan beroleh haji yang mabrur.

Bagi memastikan kursus ibadat haji tersebut berjalan lancar dan teratur serta menepati objektif yang dihasratkan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar mengadakan tinjauan ke salah sebuah Pusat Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1439H / 2018M di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas.

Dalam tinjauan itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berinteraksi dengan para peserta kursus dan berkesempatan memberikan nasihat kepada mereka agar memanfaatkan sepenuhnya bimbingan ibadat haji yang diberikan oleh guru-guru dan penyelia kursus yang terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman, sebagai bekalan serta panduan para peserta bila berada di tanah suci nanti.

Para peserta yang merupakan bakal-bakal haji terpilih juga diingatkan untuk menetapkan dan memberi tumpuan niat ke tanah suci itu adalah bagi mengerjakan ibadat haji semata-mata dan jangan mencampur adukkannya dengan niat lain, semoga dengan itu mereka beroleh haji yang mabrur.

Sebanyak 12 sesi sepanjang kursus berkenaan diadakan yang bermula 6 April hingga 13 Mei ini (setiap Jumaat dan Ahad) yang melibatkan enam buah pusat kursus di seluruh negara, iaitu dua di Daerah Brunei dan Muara, dua di Daerah Belait, manakala sebuah, masing-masing di Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Kursus tersebut memberikan ruang dan peluang bagi para peserta berinteraksi; mengajukan sebarang kemusykilan atau persoalan; memberikan penekanan terhadap bacaan-bacaan setiap bakal jemaah haji dan memastikan mereka betul-betul dapat membaca dengan baik, sama ada ketika dalam kumpulan mahupun bersendirian.

Mereka yang dikenal pasti tidak mempunyai kemampuan atau tiada keupayaan untuk membaca doa-doa khusus tersebut akan diajarkan dan dibimbing dengan bacaan doa-doa ataupun zikir-zikir pendek.

Seramai 19 pengkursus dan lima penyelia yang terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai, imam-imam masjid dan guru-guru ugama, pesara-pesara yang berpengalaman dari Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah dilantik oleh Jabatan Urusan Haji.

Turut sama dalam tinjauan tersebut ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang.



SEBAHAGIAN daripada bakal jemaah haji Daerah Brunei dan Muara yang menghadiri Kursus Ibadat Haji.

# 81 bakal jemaah haji mulai kursus

**TUTONG,** Jumaat, 6 April. - Kursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi diadakan serentak di keempat-empat daerah bermula hari ini.

Bagi Daerah Tutong, seramai 81 bakal jemaah haji mengikuti kursus berkenaan yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Pekan Tutong.

Kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji itu dihasratkan dapat membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami atau meningkatkan kefahaman hukum hakam ibadat haji yang berpandukan kepada amalan di negara ini yang merujuk kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan agar tidak menimbulkan kewahaman dan keresahan kerana perbezaan pandangan dan hukum terhadap sesuatu isu ibadat haji.

Bakal jemaah haji diberi peluang untuk mengajukan persoalan berkaitan dengan Manasik Haji kepada pengkursus-pengkursus di luar daripada pusat kursus sekiranya diperlukan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Menerusi kursus tersebut juga, bakal jemaah haji ditekankan tentang perlunya mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi demi kebajikan dan kebaikan bersama.



KURSUS Ibadat Haji bagi peserta perempuan diadakan di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Pekan Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

# Majlis keagamaan erat silaturahim



SUASANA Majlis Tahlil dan Doa Arwah anjuran matan pelajar dan pegawai kerajaan yang menuntut serta menjalani kursus di Manchester, United Kingdom pada tahun 1980 - 1983.

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**GADONG,** Jumaat, 6 April. - Seramai lebih 40 orang mantan pelajar dan pegawai kerajaan yang menuntut serta menjalani kursus di kolej dan universiti di Manchester, United Kingdom dalam tahun 1980 - 1983 mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah bagi rakan-rakan mereka yang telah kembali kerahmatullah di sebuah restoran di sini.

Walaupun hampir 35 tahun berpisah, sebahagian daripada mereka telah berjaya dijejaki dan berhimpun dalam majlis tersebut.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara lepasan penuntut dan untuk mengenang kembali persahabatan serta sahabat-sahabat yang telah kembali kerahmatullah.

# Pegawai kanan dinaikkan pangkat

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pengetua Ahli Kimia Ubat, Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Rosni binti Haji Jair dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Farmasi di Kementerian Kesihatan mulai 13 Mac 2018.

# Koleksi buku Perpustakaan UNISSA bertambah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima sumbangan sebanyak 55 buah buku dari Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam.

Hadir menyempurnakan penyerahan buku tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke negara ini, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan yang kemudiannya menyerahkan kepada Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal pada majlis yang berlangsung di Perpustakaan UNISSA, di sini.

Buku-buku tersebut meliputi beberapa topik dalam bidang Kajian Islam, Hubungan Antarabangsa, Ekonomi Politik, Sejarah Republik Islam Pakistan dan beberapa tempat di dunia kontemporari.

Rektor UNISSA semasa berucap melahirkan penghargaan di atas sumbangan buku-buku tersebut.

Jelasnya, buku berkenaan akan menambahkan lagi koleksi Perpustakaan UNISSA dalam menyediakan medium untuk memperkayakan dan mengembangkan pengetahuan mengenai Republik Islam.

Dalam pada itu, pada tahun 2016, perpustakaan tersebut telah menerima sebanyak 123 buah buku dari Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan.

Selain sumbangan dari Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan itu, perpustakaan berkenaan juga menikmati Koleksi Antarabangsa yang turut disumbangkan oleh Kedutaan Kesultanan Oman ke negara ini.





PESURUHJAYA Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan menerima cenderahati daripada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri). Manakala gambar kanan, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan semasa hadir pada majlis yang berlangsung di Perpustakaan UNISSA.

# 14 penuntut sertai Program Qalbun Saleem

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**MUMONG,** Jumaat, 6 April. - Dalam usaha untuk memberikan kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi kepada para pelajar, Pusat Da'wah Islamiah melalui Unit Kaunseling, Bahagian Penyebaran Da'wah dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan telah mengungkayahkan Program Qalbun Saleem.

Program yang berlangsung selama sehari tersebut disertai oleh 14 penuntut yang terpilih dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang berlangsung di surau sekolah berkenaan, Kuala Belait.

Kursus tersebut merupakan Rancangan Tahunan Unit kaunseling, Bahagian Penyebaran Dakwah yang antara lain objektifnya adalah untuk menimbulkan kesedaran dalam menghayati dan mengamalkan ibadat dengan sempurna menurut ajaran Islam yang unggul.

Ia juga bertujuan unuk mendidik rohani dan jasmani serta melatih mentaliti para pelajar supaya berakhlak dengan akhlak Islam yang terpuji.

Pusat Da'wah Islamiah berharap dengan program ini akan dapat memberi kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan kefahaman, mengulangkaji pengetahuan yang ada dan meningkatkan lagi kefahaman mengenai ajaran Islam agar ianya dapat diamalkan dalam kehidupan dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



PARA peserta Program Qalbun Saleem bergambar ramai.

# Bakal haji Daerah Belait mulakan kursus

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed



SEBAHAGIAN bakal jemaah haji lelaki yang hadir pada Kursus Ibadah Haji Bagi Musim Haji Tahun 1439H / 2018M bagi Daerah Belait diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Pekan Seria.

**SERIA**, Jumaat, 6 April. - Kursus Ibadah Haji Bagi Musim Haji merupakan aktiviti tahunan yang diungkayahkan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada bakal jemaah haji negara yang akan menunaikan ibadat haji pada tahun ini.

Bagi Daerah Belait, Kursus Ibadat Haji tahun ini diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah di Pekan Seria dan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Kursus yang diadakan setiap hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi itu dihadiri lebih daripada 100 bakal jemaah haji bagi Daerah Belait dan kursus akan diteruskan hingga 13 Mei 2018M.

Kursus juga dihasratkan dapat menanamkan sikap sabar dan meningkatkan takwa terhadap cabaran-cabaran yang bakal dihadapi dan suasana yang mungkin berbeza dengan suasana di Brunei.

Bakal jemaah haji juga ditekankan tentang perlunya mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi demi kebajikan dan kebaikan bersama.

Seramai 19 pengkursus ibadat haji dan lima penyelia yang terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai, imam-imam masjid dan guru-guru ugama, pesara-pesara yang berpengalaman dari Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah dilantik oleh Jabatan Urusan Haji.

Pengkursus ibadah haji bagi jemaah haji di Pekan Seria dikendalikan oleh Awang Haji Mohd. Yakup bin Haji Tengan dan Dayang Hajah Masnah binti Haji Mohamed Abun.

# Brunei tuan rumah Mesyuarat Ke-7 HAPUA WG



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kuasa Elektrik, IT dan E-Kerajaan) di Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra (kiri) selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-7 Kumpulan Kerja Ke-3 Ketua-Ketua Utiliti dan Autoriti Tenaga ASEAN (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-7 Kumpulan Kerja Ke-3 Ketua-Ketua Utiliti dan Autoriti Tenaga ASEAN (HAPUA WG 3) berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mesyuarat dihadiri oleh 74 orang perwakilan dari negara anggota ASEAN dan didahului oleh mesyuarat-mesyuarat bagi projek-projek di bawah Kumpulan Kerja Ke-3 yang telah diadakan pada 2 hingga 3 April 2018 lepas.

Mesyuarat dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) di bawah Jabatan Tenaga dan Perindustrian dan telah dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kuasa Elektrik, IT dan E-Kerajaan) di Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Pengiran Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Pengiran Jamra Weira dalam ucapannya berkata, kebolehpercayaan rangkaian adalah salah satu indikator yang paling penting untuk mengukur keupayaan sistem bekalan kuasa, untuk menyediakan bekalan berterusan elektrik kepada pengguna dan industri dalam memenuhi keperluan ekonomi negara.

Menurut beliau, rangkaian di negara anggota ASEAN semuanya terdedah kepada pelbagai risiko terutamanya cuaca, peralatan penuaan dan *overloading.*

Oleh itu, ujarnya, pengurusan kebolehpercayaan rangkaian menjadi sangat penting untuk memastikan ketersediaan dan peningkatan bekalan elektrik kepada pengguna.

Selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, Republik Singapura mempengerusikan mesyuarat ini dengan wakil dari Singapore Power Group.

Mesyuarat Ke-7 ini memberi tumpuan kepada pencapaian bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 serta perkembangan rancangan kerja Tahun Kewangan 2018 / 2019 bagi projek-projek di bawah Kumpulan Kerja HAPUA Ke-3, yang mana pada masa ini terdapat tiga projek yang dikendalikan oleh Kumpulan Kerja ini iaitu, Projek 1 - Amalan Terbaik Pengurusan Aset; Projek 2 - Pengurusan Keandalan Rangkaian Pembahagian dan Projek 3 - Hala Tuju Grid Pintar bagi negara anggota ASEAN.

Ketua Projek bagi setiap projek berkenaan telah menyampaikan taklimat mengenai perkembangan projek-projek tersebut semasa mesyuarat diadakan.

Ia juga merupakan satu platform di mana utiliti dan autoriti kuasa di rantau ini dapat membincangkan kesan dan melancarkan integrasi Sumber Tenaga Teragih / Tenaga Boleh Diperbaharui pada grid kuasa dalam mendukung hasrat HAPUA untuk mencapai 23 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2025.

Di peringkat kumpulan kerja, HAPUA juga sedang berusaha untuk mewujudkan kriteria penanda aras prestasi operasi sistem dalam kalangan negara ASEAN.

JPE sebagai utiliti kuasa utama di Negara Brunei Darussalam, telah banyak belajar dan memperoleh pengetahuan mengenai isu tenaga melalui penyertaannya dalam acara-acara yang dianjurkan oleh HAPUA.

Pemindahan pengetahuan dalam kalangan utiliti anggota ASEAN sememangnya membantu JPE meningkatkan dan memperkukuhkan lagi sistem kuasa di negara ini dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup rakyat di negara ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara dan peruntukan kewangan tahunan, JPE telah mengembangkan rangkaian dan strategi pembaikan untuk meningkatkan kebolehpercayaan rangkaian.

Ditubuhkan pada tahun 1981, HAPUA terdiri daripada lima kumpulan kerja, iaitu, Kumpulan Kerja 1 - Penjanaan dan Tenaga Boleh Diperbaharui; Kumpulan Kerja 2 - Penghantaran; Kumpulan Kerja 3 - Pembahagian dan Kebolehharapan & Kualiti Tenaga; Kumpulan Kerja 4 - Kajian Dasar dan Pembangunan Komersial; dan Kumpulan Kerja 5 - Sumber Manusia.

Kumpulan Kerja HAPUA Ke-3 ditubuhkan untuk membolehkan negara anggota ASEAN berkongsi strategi, amalan terbaik, cabaran dan pengalaman pembekal khidmat utiliti untuk meningkatkan keandalan dan kualiti tenaga negara.

Hasil perbincangan Mesyuarat Ke-7 HAPUA WG 3 ini akan dilaporkan pada Majlis Mesyuarat HAPUA yang akan diadakan tahun ini, manakala HAPUA Council pula melapor terus kepada AMEM (ASEAN Ministers of Energy Meeting).



# AJT Masjid Zainab anjur Forum Pengukuhan Akidah

**Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

**LUMUT,** Rabu, 4 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJT) Masjid Zainab Lumut telah mengungkayahkan Forum Pengukuhan Akidah yang berlangsung di masjid berkenaan.



PEMANGKU Imam Masjid Zainab Lumut, Awang Soffian bin Bidin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Forum bertajuk Dasar-dasar Fahaman Ahli Sunnah Waljamaah telah disampaikan oleh Dr. Sayyed Abd Hamid Al-Mahdaly dari Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali telah dihadiri lebih 100 jemaah dari seluruh masjid di Daerah Belait.

Kandungan forum antara lain mendedahkan mengenai Pengertian Ahli Sunnah Waljamaah, Siapa Dia Ahli Sunnah Waljamaah, Dasar Iktikad Ahli Sunnah Waljamaah dan Perbezaan Akidah Ahli Sunnah Waljamaah dengan Syiah.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Pemangku Imam Masjid Zainab Lumut, Awang Soffian bin Bidin berkata, forum tersebut memberi penerangan mengenai akidah tentang dasar-dasar fahaman mengenai Ahli Sunnah Waljamaah agar ia dapat dihayati dengan lebih jelas serta memberi peluang serta kesempatan kepada hadirin untuk bertanya sebarang soalan berkaitan jika ada kemusykilan.

Di samping itu, usaha yang berkebajikan itu akan dapat lebih mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin baik dalam kalangan jemaah dan juga orang ramai dan pada masa yang sama memakmurkan masjid dengan kegiatan bagi menambah ilmu dan bermanfaat, tambah beliau.

Forum yang diadakan disasarkan kepada AJT Masjid, Muslimah Masjid Zainab, Lumut, Jemaah Masjid dan Penduduk Mukim Lumut I dan II, AJK dan Kelas Bimbingan Muslimah serta seluruh jemaah masjid di Daerah Belait.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Pengukuhan Akidah.

Hadir sama pada forum itu Ketua Kampung Lumut ll, Awang Haji Abdul Rahman bin Hashim; Pemangku Ketua Kampung Lumut 1, Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani.

# Jumlah ketibaan pelancong antarabangsa meningkat

Dari muka 1

Selain itu, kesemua pasaran-pasaran utama yang terdiri daripada pasaran dari ASEAN, Timur Jauh (Far East), pasaran Jarak Jauh (Long Haul) dan Australia & New Zealand dan telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dari tahun 2016 dengan pasaran Timur Jauh (Far East) telah menyumbangkan pertumbuhan yang tertinggi sebanyak +34.0 peratus (y-o-y), diikuti dengan pasaran Jarak Jauh (Long Haul) sebanyak +16.0 peratus (y-o-y), ASEAN sebanyak +11.8 peratus (y-o-y) dan kedua-dua pasaran dari Australia & New Zealand telah meningkat sebanyak +5.8 peratus (y-o-y).

Di samping itu juga, antara penyumbang kepada kenaikan +18.3 peratus ini sedikit sebanyak disebabkan oleh acara-acara sempena dengan menyambut perayaan gilang-gemilang Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menaiki Takhta Singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang genap 50 tahun pada 14 Muharam 1439 Hijrah bersamaan 5 Oktober 2017 yang lalu.

Antara lima negara teratas yang datang ke Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2017 adalah Malaysia disebabkan oleh kemudahan dari segi kemasukan melalui udara dan kedudukan yang berhampiran dengan sumbangan sebanyak 23.2 peratus (24.8 peratus pada 2016), diikuti dengan Republik Rakyat China yang menyumbang sebanyak 20.2 peratus (18.7 peratus pada 2016), Republik Filipina sebanyak 8.9 peratus (7.8 peratus pada 2016), Republik Indonesia sebanyak 8.7 peratus (9.5 peratus pada 2016) dan Republik Singapura sebanyak 5.8 peratus (6.6 peratus pada 2016). Secara keseluruhannya, kelima-lima negara teratas ini telah menyumbangkan sebahagian besar kepada ketibaan pelancong antarabangsa ke negara ini sebanyak 66.8 peratus daripada jumlah keseluruhan ketibaan pelancong pada 2017. Selain itu, dari bulan Januari 2017, Republik Korea Selatan adalah salah satu negara yang telah menunjukkan prestasi yang tertinggi dari segi pertumbuhan dengan peningkatan yang drastik sebanyak 145.1 peratus (y-o-y) daripada 3,551 pelancong pada 2016 kepada 8,705 pelancong pada tahun lepas.

*Jadual 1: Ketibaan Pelancong Antarabangsa, 2016 and 2017*

| Ketibaan Pelancong Antarabangsa melalui | 2016 | Pertumbuhan % | 2017 |
|---|---|---|---|
| Udara | 218,809 | +18.3% | 258,955 |

*Sumber: Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.*

Bagi tahun 2017, ASEAN masih kekal sebagai pasaran utama dengan 50.3 peratus (53.2 peratus pada 2016); diikuti dengan pasaran Timur Jauh (Far East) sebanyak 27.1 peratus (23.9 peratus pada 2016); pasaran Jarak Jauh (Long Haul) seperti Eropah dan Timur Tengah (Middle East) sebanyak 10.9 peratus (11.1 peratus pada 2016) dan dari pasaran Australia dan New Zealand yang mana kedua-dua buah pasaran ini telah menyumbangkan sebanyak 3.9 peratus (4.3 peratus pada 2016).

Tujuan lawatan utama bagi ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2017 adalah tertumpu kepada aktiviti-aktiviti percutian yang telah menyumbangkan sebanyak 44.2 peratus (42.8 peratus pada 2016). Manakala 13.6 peratus adalah dari pelancong yang melawat dengan tujuan untuk perniagaan (17.1 peratus pada 2016), diikuti dengan melawat rakan dan saudara-mara (Visiting Friends and Relatives - VFR) sebanyak 10.3 peratus (11.6 peratus pada 2016); membuat persinggahan sementara (Transit) sebanyak 8.9 peratus (10.7 peratus pada 2016), dengan atas urusan Kerajaan sebanyak 2.5 peratus (2.9 peratus pada 2016), pameran sebanyak 0.6 peratus (0.6 peratus pada 2016), lain-lain tujuan sebanyak 9.9 peratus (11.0 peratus pada 2016) dan tidak dinyatakan sebanyak 10.0 peratus (3.3 peratus pada 2016). Antara Negara-negara teratas dalam pasaran riadah dan percutian adalah dari Negara Republik Rakyat China dan Malaysia sebanyak 39.2 peratus dan 15.7 peratus.

Selain daripada jumlah ketibaan pelancong melalui udara, seramai 4,057,029 pelawat antarabangsa juga telah dicatatkan melalui pos-pos kawalan Imigresen pada tahun 2017.

Purata tempoh penginapan (Average Length of Stay) di hotel bagi tahun 2017 adalah sama seperti tahun lepas iaitu sebanyak 2.2 hari. Manakala purata kadar penginapan (Average Occupancy Rate) di hotel bagi 2017 adalah sebanyak 41.2 peratus berbanding dengan 39.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Bagi tempat-tempat penginapan pada tahun 2017, terdapat sebanyak 87 premis-premis yang terdiri daripada taraf *resort* mewah (seperti The Empire Hotel & Country Club), taraf antarabangsa (seperti Radisson Hotel), taraf perniagaan, penginapan bajet, lodging, apartmen, *guest house* dan inapdesa (*homestay*). Jumlah tempat penginapan bagi hotel, *resort* dan apartmen adalah sebanyak 52 buah, diikuti dengan inapdesa (*homestay*) sebanyak 16 buah, *guest houses and rest houses* sebanyak 16 buah dan government *guest houses* sebanyak tiga buah. Sementara itu, jumlah keseluruhan bilik dan katil tersedia adalah sebanyak 4,455 buah bilik dan 6,226 buah katil. Manakala pada tahun 2016, jumlah tempat penginapan telah mencatatkan sebanyak 83 buah premis dengan 4,311 buah bilik dan 6,044 buah katil.

Bagi tahun 2017, jumlah ejen-ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah sebanyak 65 buah syarikat jika dibandingkan dengan pada tahun 2016 sebanyak 60 buah syarikat. Kesemua ejen-ejen pelancongan ini adalah berdasarkan kepada aktiviti inbound dan *outbound*.

## 50 pengusaha belia mulai Bengkel Keusahawanan

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 April. - Lebih 50 peserta yang terdiri daripada golongan pengusaha belia tempatan menyertai Bengkel Keusahawanan anjuran Startup Weekend Brunei yang bertempat di Kolej Perniagaan Laksamana (LCB), di sini.

Semasa bengkel tiga hari itu, para peserta akan mengadakan mesyuarat untuk menyampaikan idea-idea mereka kepada mentor-mentor tempatan dan luar negara dari pelbagai industri yang akan mengongsikan kemahiran mereka dengan para peserta.

Startup Weekend Brunei kali kedua itu disertai oleh para belia dari institusi pendidikan tinggi yang berusia antara 16 ke 26 tahun.

Startup Weekand Brunei merupakan bengkel usahawanan selama 54 jam dengan jangkauan global melebihi dari 2,000 acara dan meliputi lebih daripada 135 buah negara.

Bengkel tersebut bertujuan untuk mewujudkan persekitaran, di mana para peserta akan berkumpul dan mendapatkan semua pengalaman mulai dari rangkaian, kolaborasi, di samping pendedahan potensi-potensi untuk menghasilkan sesuatu yang hanya sekadar idea hinggalah ke pelaksanaan.

Ia juga mendapat sokongan dari Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) selaku Rakan Strategik; Darussalam Enterprise (DARe) selaku Rakan Ekosistem; LCB dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) selaku Penaja Platinum dan Startup Brunei selaku Penyokong Pemacu. Sementara itu, Rakan-rakan Komuniti bagi edisi kali ini ialah The Neu Company dan InTurn.

Dikuasakan oleh Google untuk Usahawan dan Techstars, Startup Weekend adalah pergerakan akar umbi global para usahawan yang bersemangat dalam misi untuk memberi inspirasi, mendidik, dan memperkasakan masyarakat untuk melancarkan idea-idea yang dapat merubah kehidupan mereka.

Ia juga merupakan komuniti usahawan terbesar di dunia, yang telah menganjurkan lebih 2000 acara di 200 lebih negara sejak tahun 2007.

Startup Weekand Brunei kali ini dikendalikan oleh Ashley Uy dari Startup Weekend Cebu, Republik Filipina.



ANTARA pengusaha belia yang menyertai Startup Weekend.

## ASEAN COCI bincang cadangan projek baharu



SESI bergambar ramai wakil-wakil Mesyuarat Ke-19 ASEAN-COCI Sub-Committee on Culture (SCC) dan Mesyuarat Ke-7 ASEAN Plus Three Cultural Cooperation Network (APTCCN).

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-19 ASEAN-COCI Sub-Committee on Culture (SCC) dan Mesyuarat Ke-7 ASEAN Plus Three Cultural Cooperation Network (APTCCN) yang juga diselajurkan dengan bengkel Strategic Plan for Culture and Arts 2016-2025.

Mesyuarat dan bengkel tersebut telah dipersetujui dan diluluskan ketika Mesyuarat Ke-52 ASEAN-COCI di Kuala Lumpur pada 21 November 2017.

Mesyuarat berlangsung selama tiga hari itu bermula 3 hingga 5 April 2018 bertempat di The Centrepoint Hotel, Gadong.

Ia dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd Abdoh bin Haji Awang Damit.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh para delegasi dari ASEAN dan Plus Three serta Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat The 19th Meeting of ASEAN-COCI Sub Committee on Culture dan The 7th Meeting of the ASEAN Plus Three Cultural Cooperation Network antara lain bertujuan untuk menyemak semula dan menilai projek-projek yang terdahulu dan yang sedang berjalan dan seterusnya untuk mempertimbangkan dan mensahkan cadangan projek baharu untuk dihadapkan ke ASEAN-COCI;

Di samping itu, mempromosi-kan, meningkatkan dan memajukan kerjasama antara ASEAN di bawah arahan dan kelulusan Menteri-Menteri Bertanggungjawab untuk Kebudayaan dan Kesenian (AMCA), Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan yang Bertanggungjawab bagi Kebudayaan dan Kesenian (SOMCA) dan Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI).

JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN SEBUT HARGA BAGI MENYEWAKAN KENDERAAN SECARA 'ADHOC' (JIKA ADA KEPERLUAN SAHAJA) DIBAWAH KAWALAN UNIT KENDERAAN, JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN adalah dipelawa kepada orang-orang persendirian yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memegang kad pintar berwarna Kuning atau Penduduk Tetap kad pintar berwarna Ungu dan juga dari syarikat-syarikat Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS) untuk memberikan sebut harga bagi menyewakan kenderaan secara *adhoc* (jika ada keperluan sahaja) dibawah kawalan Unit Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri.

**SYARAT-SYARAT UNTUK MENYEWAKAN KERETA DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERMOHONAN PERSENDIRIAN**

1. Kereta tidak diubah suai dari keadaan asal (tidak ada tambahan luar dan dalam kereta (seperti tambahan *sound system* dsb);
2. Kereta tidak pernah terlibat dalam kemalangan.
3. Lain-lain syarat adalah seperti yang dinyatakan di dalam borang dan dokumen tawaran.

**PERMOHONAN SYARIKAT**

1. Syarikat hendaklah berdaftar dan mempunyai sijil pendaftaran Certificate of Inceperation of Private Company Sdn. Bhd.
2. Mempunyai **Permit Kereta Sewa Pandu sendiri (KSPS) dan Permit Bas Sewa Khas (BS)**.
3. Mempunyai Sijil Pengiktirafan Bengkel rawatan kenderaan.
4. Mempunyai lesen Rampaian Bengkel rawatan Kenderaan
5. Bagi tawaran kenderaan untuk jenis Saloon, MPV dan Van hendaklah mengikut syarat yang dikenakan pada permohonan persendirian
6. Lain-lain syarat adalah seperti yang dinyatakan di dalam borang dan dokumen tawaran.

**SYARAT-SYARAT AM**

1. Jumlah kenderaan yang diperlukan adalah terhad dan tempoh penyewaan secara *adhoc* (bila ada keperluan sahaja) adalah selama dua (2) tahun sahaja.

2. **KATEGORI 1** (SALOON)
Kenderaan yang diperlukan dibahagikan pada dua (2) kumpulan seperti berikut :
2.1. **Kumpulan 1** (Saloon)
**Kereta yang diperlukan ialah jenis**
- Mercedes Benz E200 / E250 / E300,
- BMW 520i / 523i / 528i,
- Volvo S80 / Volvo S60,
- Jaguar XF 3.0 / 2.0,
- Audi A4 / A6,

2.1.1. Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Julai 2013 - Mac 2018** (terkini).
2.1.2. Warna Kenderaan - **Hitam dan Biru tua (Dark Blue).**
2.1.3. Jika terpilih, Tiang Bendera Kecil hendaklah dipasang pada sebelah kiri kenderaan.

2.2. **Kumpulan 2** (Saloon)
**Kereta yang diperlukan ialah jenis**
- Toyota Camry 2.5 / 2.0
- Nissan Teana 3.0 /2.0
- KIA Optima 2.4
- Hyundai Sonata 2.4

2.2.1. Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Julai 2015 - Mac 2018 (terkini).**
2.2.2. Warna Kenderaan - **Hitam dan Biru Tua (Dark Blue).**
2.2.3. Jika terpilih, Tiang Bendera Kecil hendaklah dipasang pada sebelah kiri kenderaan.

3. **KATEGORI 2, (MPV / VAN)**
**Kenderaan yang diperlukan ialah jenis**
- Toyota Vellfire, Toyota Alphard dan Nissan Elgrand **berwarna Hitam, Putih, Dark Blue, Dark Brown** dan **Dark Grey.**
- Hyundai H1 dan Nissan Urvan NZ 350 **berwarna Hitam, Dark Blue, Dark Brown** dan **Dark Grey.**
3.1. Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Julai 2015 - Mac 2018 (terkini).**

4. **KATEGORI 3 (BAS MINI)**
Bas mini 15 muatan duduk (*seaters*) dan **mempunyai Permit Bas Sewa Khas** yang masih sah.

4.1. Tarikh Pendaftaran asal Kenderaan mestilah pada bulan **Julai 2015 - Mac 2018 (terkini).**

5. **BAGI KATEGORI 4, (BAS)**
Bas 22 muatan duduk, 33 muatan duduk dan 45 muatan duduk yang **mempunyai Permit Bas Sewa Khas yang masih sah.**
6. Yuran dokumen sebanyak **Lima Ringgit (BND5.00)** tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebutharga (berserta dokumen berkaitan) boleh didapati di Unit Kewangan, Basement 2, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Waktu menerima bayaran adalah pada **Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu** bermula dari **8.45 Pagi** hingga **11.00 Pagi** dan **1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**.
7. Borang tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri **tidak lewat dari Selasa, 17 April 2018, jam 2.00 Petang** di alamat berikut :
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**PETI TAWARAN, TINGKAT 1**
**BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN PERDANA MENTERI**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tawaran-tawaran yang **diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.**

8. Bagi tawaran-tawaran untuk menyewakan kenderaan yang telah lulus penilaian peringkat pertama, kenderaan yang ditawarkan adalah dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan teknikal (pemeriksaan kesesuaian kenderaan untuk membawa tetamu luar negeri) terlebih dahulu sebelum disokong untuk proses penilaian seterusnya.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**JPE / LTK / PDP / 009 / 2018**

**Tajuk Tawaran :**
**SUPPLY AND DELIVERY OF 300MM2 / 3C XLPE / LS H.T CABLE**

**Tarikh Tutup :**
**30 APRIL 2018**
**(ISNIN, 2.00 PETANG)**

**Yuran Tawaran :**
**BND500.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tempat Tutup :**
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN, PETI TAWARAN, TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN, COMMONWEALTH DRIVE, JALAN KEBANGSAAN, BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan :**
**PEMBEKAL YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAGI KATEGORI : PO5**

**KELAS : I, II, III, IV ATAU V**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperoleh di **Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

Perhatian :
Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

---

KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**
**JPPK / LTN / 17 / 2018**
**ONE YEAR TERM CONTRACT FOR MAINTENANCE AND REPAIR OF COMPOUND, STREET, FENCING SECURITY LIGHTING, HELIPAD / AVIATION LIGHTING SYSTEM, FIRE SERVICES INSTALLATION AND STANDBY GENERATOR SET FOR LUMUT CAMP**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**KELAS :**
**III & KEATAS**

**KATEGORI :**
**E01, E02 DAN KPME05**

**TEMPOH PENYIAPAN :**
**SATU (1) TAHUN**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang Selasa, 24 April 2018.**
Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510. Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada Jumaat, 20 April 2018 jam 11.00 Pagi.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
**Waktu bagi menerima bayaran hari-hari biasa :**
**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :
i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16/17 / Fowm X;
ii. Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dikemaskini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;
iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (*Tax Compliance Certificate*) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;
iv. *Statement of Annual Returns* yang terkini dan sah;
v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)
Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen-dokumen tawaran sepertimana yang dinyatakan di atas.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN sebut harga adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Dulia Yang Maha Mulia Paduka seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.
- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P] iaitu P05, E01 dan E03.
- Manakala bagi kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran mekanikal atau bengkel mestilah mempunyai Lesen Pembekal [M] iaitu M01, M02 & M03 Kementerian Pembangunan atau Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
- Dan kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan mestilah mempunyai Lesen Perkhidmatan [S] iaitu S01, S02 dan S03 Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Sebut Harga 1 :
**TO SUPPLY AND DELIVER TERMINAL BUILDING LIGHTINGS AND ACCESSORIES, CIVIL AVIATION DEPARTMENT, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 21**

Tajuk Sebut Harga 2 :
**TO SUPPLY AND REPAIR OF NEW TERMINAL BUILDING CHILLER NO : 17 CIVIL AVIATION DEPARTMENT, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 22**

Tajuk Sebut Harga 3 :
**MEMBEKAL DAN MEMASANG PERALATAN ELEKTRIKAL BAHAGIAN PERKHIDMATAN BOMBA, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 23**

Tajuk Sebut Harga 4 :
**MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT PENGHAWA DINGIN FIRE CONTROL ROOM, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 24**

Tajuk Sebut Harga 5 :
**MEMBEKAL DAN MEMASANG SUBMERSIBLE PUMP, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 25**

Tajuk Sebut Harga 6 :
**TO SUPPLY AND INSTALL LED SPOT LIGHTS AT ARRIVAL MEETER & GREETER TREE LIGHTS, CIVIL AVIATION DEPARTMENT, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 26**

Tajuk Sebut Harga 7 :
**ROOFING AND CEILING REPAIR WORKS AT RECEIVER SITE, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION**
Bilangan Sebut Harga :
**AME / 2018-2019 / SH - 27**

Tarikh iklan / mengambil dokumen sebut harga :
**Bermula Isnin, 2 April 2018 selama dua (2) minggu**

Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga :
**Selasa, 17 April 2018 (tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup sebut harga :
**Rabu, 18 April 2018 (hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan**
**Ibu Pejabat**
**Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 18 April 2018**. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang : *http://www.civil-aviation.gov.bn*

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar **yuran dokumen** sebanyak **BND10.00** (*hardcopy*) - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran sebut harga dan pembayaran hanya diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
dan
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.30 Pagi** hingga **10.30 Pagi**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran sebut harga diadakan seperti berikut :

Pada : **12 April 2018 (Rabu)**.

Jam :
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
atau
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**

Tempat berkumpul :
**Dewan Serbaguna**
**Bangunan Kejuruteraan**
**Dan Pemeliharaan Aset (AME)**
**Jabatan Penerbangan Awam**
**Negara Brunei Darussalam.**

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JUALAN LELONG TERTUTUP**

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dibukakan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut :

**LOT A**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot / Peralatan Pejabat
Jumlah semua :18 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, BSB

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Peralatan / Perkakas Komputer
Jumlah Semua : 66 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Unit Pemantauan Infrastruktur Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, BSB

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Kerusi Eksekutif (hitam)
Jumlah semua : 2 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)BSB

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Projector (Vivitek D825MX)
Jumlah semua : 1 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, BSB

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot Pejabat
Jumlah Semua : 6 Unit / Buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Unit Pembelian dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan-Perkhidmatan

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot / Pejabat
Jumlah semua : 5 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Unit Stor dan Perbekalan, Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot / Peralatan Pejabat
Jumlah semua : 6 unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Unit Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran & Perkhidmatan-Perkhidmatan

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot Sekolah
Jumlah semua : 206 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait

**LOT B**

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Peralatan / Perkakas Audio Visual
Jumlah semua : 16 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Sekolah Rendah Kenua, Temburong

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Perabot / Sekolah
Jumlah semua : 35 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Set Kerusi Sofa
Jumlah semua : 2 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Unit Kenderaan dan Pengangkutan, Cawangan Daerah Temburong

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT :**
Peralatan / Perkakas Pejabat
Jumlah semua : 15 Unit / buah

**TEMPAT / KEPUNYAAN :**
Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong

Borang sebut harga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut :

**1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Pendidikan. Talian Telefon : +673 2230113. (Brunei / Muara)**

**2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira. Bekas Barik Lama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong TA 1341 Talian Telefon : +673 4260312**

**3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Rumah Kediaman Brunei Shell, Simpang 24-29 Jalan Maulana, Kuala Belait KD 145 Talian Telefon : +673 3347423**

**4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Bekas Asrama Jalan Masjid, Jabatan Sekolah-Sekolah. Temburong. Talian Telefon : +673 5222171 / +673 5222172**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :

**Isnin** hingga **Khamis** & **Sabtu**
**8.15 Pagi** hingga **11.30 Pagi**
**2.00 Petang** hingga **4.00 Petang**

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan **menggunakan sampul surat tertutup rapat dan di tulis dengan terang : TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :

**UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6 KONDOMINIUM ONG SUM PING, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh 7 hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibat-kan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau di musnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada **Ketua-ketua Jabatan Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon : +673 2230113**.

6. Yuran tawaran **BND10.00** bagi setiap lot. **(Tidak akan dikembalikan).**

**Tarikh Tutup Tawaran pada : 28 April 2018 (Sabtu), jam : 2.00 Petang**

**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 01 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **SEKOLAH RENDAH BEBULOH, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 02 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **SEKOLAH RENDAH NAKHODA ABDUL RASHID, KAMPUNG MENUNGGOL, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 03 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **SEKOLAH RENDAH DATO HAJI BASIR, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUA-RA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 04 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA ABU BAKAR, JALAN 77, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 05 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAN-TIN BAGI **SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI, KAMPUNG PERPINDAHAN LAMBAK KIRI, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 06 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **PUSAT TINGKATAN ENAM MERAGANG,KAMPUNG MERAGANG, KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN STALL '4']**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 07 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENTIRI, KAMPUNG PERPINDAHAN MENTIRI, KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 08 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **PUSAT TINGKATAN ENAM TUTONG, KAMPUNG PERPINDAHAN RAKYAT JATI BUKIT BERUANG TUTONG, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A']**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**DA / JKSH / 09 / 2018 / 2019**
**[BPPA-APRIL-2018]**

**KETERANGAN :**
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI **PUSAT TINGKATAN ENAM TUTONG, KAMPUNG PERPINDAHAN RAKYAT JATI BUKIT BERUANG TUTONG, KLUSTER 5, DAERAH TUTONG** KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SETIAP SEBUT HARGA :**
**BND5.00**
**[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU BAGI SETIAP SEBUT HARGA DI ATAS :**
**21 APRIL 2018**
**[Tidak lewat jam 9.00 pagi]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 Pagi - 11.45 Pagi**
**1.45 Petang - 3.00 Petang**
**SABTU**
**8.00 Pagi - 10.00 Pagi**

**SYARAT-SYARAT IKLAN SEBUT HARGA**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh **Warga Tempatan**.

2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang ditetapkan. Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bona-fide tender*).

3. **Kadar bayaran dokumen sebut harga** adalah seperti yang ditetapkan dalam **iklan sebut harga**.

4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga di **Tingkat 1, Blok B, Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

5. Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

6. Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan resit bayaran dokumen sebut harga.

7. Sebut harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis **bilangan sebut harga, tajuk sebut harga** dan **tarikh tutup sebut harga** tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan. BB3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. **SEBUT HARGA** hendaklah dimasuk-kan ke dalam **Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Kewangan 'A' Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

9. Sebut harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai sebut harga tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga yang tidak munasabah.

11. Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi atau setelah tutup sebut harga akan **dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.**

---

**Bahagian Mekanikal, Jabatan Mekanikal Dan Elektrikal, Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP**

**PETI TAWARAN TERTUTUP**
**TINGKAT 1**
**BLOK PENTADBIRAN**
**BAHAGIAN MEKANIKAL**
**JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL**
**KAMPONG SINARUBAI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

| TAWARAN | | TARIKH TERAKHIR MEMBUKAKAN BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN |
|---|---|---|
| TARIKH MULA | TARIKH MELIHAT | |
| 16.04.2018 (HARI ISNIN) | 16.04.2018 HINGGA 19.04.2018<br>PAGI : 8.30 HINGGA 11.30<br>PETANG : 2.00 HINGGA 4.00 | 21.04.2018 / PADA ATAU SEBELUM 9.00 PAGI ( HARI SABTU ) |

| LOT | KETERANGAN | BANYAK | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1 | JENTERA PENGHAWA DINGIN (CARRIER) | 2 SETS | BAHAGIAN MEKANIKAL, SINARUBAI |
| 2 | JENTERA PENGHAWA DINGIN (CHILLER , AHU DAN CHILLER WATER PUMP) - CARRIER | 1 SET | |
| 3 | AIR COOLED CHILLER (MCQUAY) | 1 SET | |
| 4 | CHILLER (YORK) | 1 SET | |
| | AHU (YORK) | 1 SET | |
| 5 | AIR COOLED CHILLER (CARRIER) | 1 SET | |
| | CHILLER WATER PUMP (MONOFLO) | 2 SETS | |
| | PUMP HAWA DINGIN (MONOFLO) | 4 NOS | |
| 6 | CHILLER (MCQUAY) | 3 SETS | |
| 7 | CENTRIFUGAL CHILLER (CARRIER) | 1 SET | |
| | DX UNIT (TRANE) | 2 SETS | |
| | COOLING TOWER (LINER) | 1 SET | |
| 8 | AIR COOLED CHILLER (YORK) | 1 SET | |
| 9 | PENGHAWA DINGIN JENIS SPLIT (BERMACAM-MACAM JENIS) | 167 UNITS | |

| LOT | KEBENARAN | RUJUKAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 HINGGA 9 | Kementerian Kewangan | KKW/ADM/KEM/11 | 20.03.2018 |

## LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **bilangan tawaran** serta **tarikh tutup** tawaran, iaitu tanpa menunjukkan **identiti pengirim**.

3. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 & 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (Business Names Act) dan syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai bidang atau kepakaran dalam kerja-kerja pembersihan dalam dan luar bangunan adalah diutamakan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil Perniagaan (Business names of Enactment Section 16 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.

5. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di **Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, Jalan Perdana Menteri** dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**

**TAJUK :**

**SUPPLY & INSTALL 1 ECU UNIT FOR HYUNDAI H1 WAGON, VEHICLE REGISTRATION NO. BG 2483 FOR BANDAR SERI BEGAWAN MUNICIPAL DEPARTMENT**

**BILANGAN :**
**JBBSB / SH / 2017-2018 / 46 / BKBPK**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**SELASA, 24 APRIL 2018,**
**JAM 2.00 PETANG**

6. Bayaran menyertai tawaran ini ialah **BND12.00** bagi setiap tawaran dan bayaran ini tidak dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :
**Kaunter**
**Bahagian Perkhidmatan Pelanggan**
**Tingkat 3**
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan**
**Jalan Perdana Menteri**
**Negara Brunei Darussalam.**

7. Dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari **Bahagian Khidmat Bantu & Pemeliharaan Kenderaan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Tingkat 2, Cawangan Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Depot Kampung Belimbing, Subok** dan tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Sabtu, 21 April 2018, jam 9.00 Pagi**.

8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

9. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih tinggi atau seumpamanya.

## JABATAN PERIKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**IKAN / 78(Q) / 0003 / 2018**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**SUPPLY AND DELIVERY OF PCR REAGENTS FOR THE QUANTIFICATION OF SHRIMP VIRUSES.**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**IKAN / 78(Q) / 0004 / 2018**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**SUPPLY AND DELIVERY OF PCR REAGENTS FOR THE QUANTIFICATION OF FISH VIRUSES.**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**
**IKAN / 78(Q) / 0005 / 2018**

**TAJUK SEBUT HARGA :**
**SUPPLY AND DELIVERY OF PCR LABORATORY CONSUMABLE.**

1 . SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada :

**Peti Sebut harga,**
**Jabatan Perikanan,**
**Di Bangunan Jabatan Perikanan,**
**Simpang 287-53,**
**Jalan Peranginan Pantai Serasa,**
**Muara BT1728,**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,**
**Negara Brunei Darussalam**

2. Sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **Isnin, 16 April 2018** jam **2.00 petang**. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat.

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen sebut harga, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan. Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, dan pembayaran dokumen sebut harga di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan. Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

**Isnin - Khamis** dan **Sabtu** :
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**1.30 Petang** hingga **3.00 petang**

5. Yuran sebanyak **BND5.00** bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebutharga tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti **Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / pasport** dan **Daftar Pemilik syarikat** hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang sebut harga.

8. Dokumen-dokumen sebut harga boleh didapati mulai hari **Selasa, 3 April 2018.**

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PENDAFTARAN PENGAMBILAN BAKAL-BAKAL REKRUT WANITA PENGAMBILAN KE-54 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi Kerjaya Tentera sebagai bakal-bakal Rekrut Wanita Pengambilan Ke-54 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kelayakan dan kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan bermula pada :
**Rabu, 4 April 2018**
hingga
**Jumaat, 13 April 2018**

Waktu Pendaftaran :
Isnin - Khamis
8.00 Pagi - 4.30 Petang

Jumaat
8.00 Pagi - 11.00 Pagi

Pemohon hendaklah berpakaian kebangsaan (baju kurung dan bertudung) serta berkasut dan membawa kad pengenalan dan segala sijil-sijil serta dokumen asal yang berkaitan dengan syarat-syarat kemasukan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
**Pejabat Pengambilan**
**Jabatanarah Keanggotaan**
**B8, Tingkat 1 & 2, Simpang 32-66**
**Flat Anggerek Desa**

Telefon : **+673 2383074 /**
**+673 2383075**

Atau layari laman web :
*http://www.mindef.gov.bn*

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PEMBATALAN IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM MENURUT PERATURAN BAB 38A**
**KELUARAN : 5 MAC 2018**
**TARIKH TUTUP : 31 MAC 2018**
**BILANGAN IKLAN : 23 / 2018**

**1. JAWATAN : PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN**
**KEMENTERIAN / JABATAN :**
**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN,**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**
**BAHAGIAN : I**
**TANGGAGAJI : KUMPULAN 2 (BND5,400 SEBULAN)**
**KEKOSONGAN : SATU (01)**

DENGAN ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan yang tersebut diatas adalah **DIBATALKAN** oleh sebab-sebab tertentu.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**URUSETIA JAWATANKUASA KEBANGSAAN SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN BAGI TAHUN 2018**

**Bilangan Tawaran :**
**LTK / 01 / 2018 (KAIN RENTANG PERAYAAN KDYMM)**

Tawaran adalah dipelawa bagi membekal :

Bilangan :
**LTK / 01 / 2018 (KAIN RENTANG PERAYAAN KDYMM)**

Projek :
**TAWARAN BAGI MENCETAK, MEMBEKAL, MENGEDAR DAN MENJUAL KAIN RENTANG SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN BAGI TAHUN 2018**

Tarikh tawaran dibuka :
**Isnin, 9 April 2018, jam 9.00 Pagi.**

Tarikh tawaran ditutup :
**Selasa, 24 April 2018**
**tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**Syarat-Syarat Kelayakan :**

1. TAWARAN hendaklah dihadapkan ke alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam dokumen tawaran :

**Pengerusi Jawatankuasa**
**Kumpulan Kerja Kain Rentang**
**Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan**
**Sambutan Perayaan Ulang Tahun**
**Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun**
**bagi Tahun 2018.**

d/a **Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Aras Bawah Bangunan**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Jalan James Pearce**
**Bandar Seri Begawan, BS8610,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat jam 2.00 Petang,**
**Selasa, 24 April 2018**

2. Contoh kain rentang hendaklah dibubuh dengan tanda syarikat penender dan diserahkan bersama borang tawaran **tidak lewat pada jam 2.00 Petang pada Selasa, 24 April 2018.**

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) dengan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penender dan dihantar ke alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

5. Borang tawaran diperolehi dengan harga **BND15.00** satu set dari Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun bagi Tahun 2016.

d/a :

**Bahagian Pengurusan dan Penyelarasan Acara :**
**Tingkat 3,**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Jalan James Pearce**
**Bandar Seri Begawan, BS8610**
**Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

# Tiga keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan MUIB



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran, Dayang Anisah binti Abdullah Buje @ Utih anak Buje (atas) dan Awang Muhammad Ali Syuhada bin Azari @ Mas (bawah).



**KUALA BELAIT**, Rabu, 4 April. - Tiga buah keluarga mangsa kebakaran rumah yang berlaku di Barek Jalan Singa Menteri, Kuala Belait, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panaga, Seria dan RPN Lumut, Daerah Belait menerima sumbangan BND3,200 dan beg sekolah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Sehubungan itu, MUIB telah menghulurkan bantuan berupa wang tunai sebanyak BND3,200 bagi anak-anak kepada tiga buah keluarga mangsa kebakaran yang berlaku di Daerah Belait.

Bantuan sumbangan tersebut adalah dari Kumpulan Wang Zakat MUIB sebagai usaha meringankan bebanan mereka yang ditimpa musibah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyerahkan bantuan kepada mangsa kebakaran ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Majlis diadakan di rumah-rumah mangsa kebakaran Bantuan diserahkan kepada mangsa-mangsa kebakaran yang melibatkan tiga buah rumah dan tiga penerima mangsa kebakaran tersebut ialah Dayang Anisah binti Abdullah Buje @ Utih anak Buje, 63 tahun.

Kejadian kebakaran berlaku pada 15 Februari 2018 kira-kira 4.30 petang dan tempat tinggal beralamat di Barek 723/B8, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait, yang mengakibatkan kerosakan teruk dan semua barang-barang milik mangsa musnah keseluruhannya namun tiada kemalangan jiwa terlibat.

Mangsa kini ditempatkan sementara di Barek 694/B6, Jalan Singa Menteri, Kuala Belait, beliau menerima sebanyak BND600 sahaja dan beg sekolah.

Sementara itu, mangsa kebakaran kedua berlaku berlaku di rumah milik Dayang Salbiah binti Drusli, beralamat No. 54, Simpang 38, Jalan Teripas, RPN Kampung Panaga, Seria, suaminya Awang Mohamad Ali Hassan bin Haji Adris, 41 tahun, berserta dengan empat tanggungannya telah menerima menerima sebanyak BND1,000 sahaja dan beg sekolah.

Kejadian kebakaran berlaku pada 14 Februari 2018 kira-kira 7.00 pagi yang mengakibat kerosakan bahagian atas rumah tersebut yang mempunyai tiga buah bilik namun tiada kemalangan jiwa dan kesemua mangsa kini tinggal di bahagian bawah rumah tersebut.

Manakala penerima bantuan mangsa kebakaran ketiga Awang Muhammad Ali Syuhada bin Azari @ Mas, 37 tahun telah menerima BND1,600 sahaja dan beg sekolah.

Kejadian kebakaran yang dialami beliau berlaku pada 21 Februari 2018, kira-kira 11.30 malam, di alamat No. 88, Jalan Pakis, RPN Lumut, Belait, dan mengakibat kerosakan bahagian atas sebuah bilik di rumahnya namun kejadian tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa.

Turut hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Serta-Merta Kepada Mangsa-Mangsa Kebakaran Rumah Yang Berlaku Di Daerah Belait itu ialah Ketua Kampung Mumong, Kuala Belait Awang Haji Yusuf bin Haji Dulamin.

**Berita dan Foto :**
**Noraisah Haji Muhammed**






# Seorang lelaki mati menggantung diri



PASUKAN Polis Diraja Brunei semasa mengadakan sidang media mengenai seorang lelaki ditemui mati selepas dipercayai menggantungkan diri di dalam sebuah bilik kosong.

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**SERIA**, Rabu 4 April. - Seorang lelaki ditemui mati selepas dipercayai menggantungkan diri di dalam sebuah bilik kosong.

Balai Polis Seria telah menerima panggilan kecemasan tersebut melalui talian 993 kira-kira jam 6.30 pagi tadi di mana mangsa merupakan seorang duda, Jimmy anak Japar penduduk tetap berusia 44 tahun, telah didapati menggantung diri di dalam bilik tidur di rumah yang tidak berpenghuni di alamat B4 Tingkat 1 Barek 370 Lorong 3 Seria.

Hadir di tempat kejadian Pegawai Jenayah Daerah Polis Belait, Penolong Penguasa Polis Pengiran Abu Naba'a bin Pengiran Haji Yusof dan Pegawai Menguasa Balai Polis Seria, Penolong Penguasa Polis Pengiran Haji Md. Saiful Ariff bin Pengiran Haji Duraman serta anggota daripada Balai Polis Seria dan Unit Bantuan Tempat Kejadian Jenayah, Ibu Pejabat Daerah Polis Belait.

Hasil siasatan awal mendapati mangsa telah menggunakan tali yang terikat di siling bilik tersebut untuk tujuan menggantung diri.

Mangsa diketahui tinggal menumpang di rumah kawannya di tingkat bawah di blok yang sama.

Hasil siasatan setakat ini mendapati tidak ada melibatkan unsur-unsur khianat dan mangsa melakukannya tanpa pengetahuan orang lain.

Mangsa juga dipercayai menghadapi tekanan hidup, tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan mempunyai masalah ketagih minuman keras.

Pasukan Polis Diraja Brunei ingin menasihati orang ramai untuk segera mendapatkan bantuan daripada mana-mana pihak yang berwajib apabila mengalami dan menghadapi sebarang tekanan kehidupan, janganlah mengambil keputusan secara melulu dalam mencari sesuatu jalan penyelesaian seperti membunuh diri.

Diingatkan sekali lagi cubaan membunuh diri adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 309 Hukum Kanun Jenayah Penggal 22, yang membawa hukuman satu tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.




# Reda dengan qada dan qadar Allah

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Agama kita menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat terpuji dan melarang umatnya daripada bersifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Imam Al-Ghazali Rahimullahu Ta'ala dalam kitabnya Al-Arba'ain Fii Ussuliddin telah menggariskan 10 sifat mahmudah yakni terpuji itu, iaitu tubuh, *khauf* (takut kepada Allah), mengingati mati, *mahabbah* (kasih sayang), *zuhud* (meninggalkan kesenangan dunia), tawakal, ikhlas, syukur, sabar dan reda. Yang dimaksudkan dengan reda ialah menerima sesuatu perkara dengan hati yang ikhlas.

Sheikh Abdul Kadir Jailani berkata, seseorang mukmin yang hakiki adalah mereka yang reda kepada apa yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya. Dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah lebih baik daripada ketetapan manusia itu sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 216 :

**Tafsirnya :**

*"Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kamu. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."*

Reda dengan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah menerima segala yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh ikhlas, tunduk dan patuh sama ada suka atau duka dengan hati yang tenang dan lapang serta tidak menyangkal akan segala yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atasnya. Reda itu bukanlah bermaksud seseorang itu tidak berasa sakit dengan bala bencana akan tetapi seseorang itu tidak menyangkal akan qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah tanda cinta dan *mahabbah* hamba-hambanya yang benar-benar beriman dan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya reda itu merupakan lambang ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan orang-orang yang reda itu adalah orang-orang yang terpilih dan akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan dikurniakan Syurga 'Adnin yang di dalamnya terdapat air sungai yang mengalir. Sifat reda hanya dimiliki oleh orang yang beriman dan tidak dimiliki oleh orang-orang munafik kerana orang munafik menentang ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jika mereka beribadat, maka mereka melakukan ibadat itu bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi dilakukan hanya kerana terpaksa dan berpura-pura serta menunjuk-menunjuk, bukan benar-benar reda dan ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa, ayat 142 :

**Tafsirnya :**

*"Sesungguhnya orang-orang munafik itu mahu memperdayakan Allah (dengan menyatakan yang lain daripada apa yang ada dalam hati mereka) dan Dia (Allah) tetap membalas usaha tipu daya mereka (dengan balasan seksa di akhirat). Dan apabila mereka berdiri untuk menunaikan sembahyang, mereka berdiri dengan (perasaan) malas dengan maksud riak kepada manusia (supaya mereka disangka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah melainkan sedikit sahaja."*

Percaya kepada qada dan qadar adalah salah satu daripada rukun iman yang enam. Adapun yang dimaksudkan dengan qada ialah perkara yang terjadi ke atas manusia seperti suka dan duka, kaya dan miskin. Manakala qadar itu ialah ketetapan dan ketentuan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas setiap makhluk.

Beriman dengan qada dan qadar termasuklah reda yakni rela menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan Allah Subhanahu Wata'ala sama ada berupa nikmat ataupun ujian seperti kesenangan, kesusahan, kekayaan dan kemiskinan. Tetapi lain halnya dengan manusia yang tidak beriman, kehidupannya tidak seimbang dan tidak tenteram, mereka hanya bersyukur di kala senang atau ketika menerima nikmat tetapi akan berasa kacau dan tidak sabar ketika diberi ujian Allah Subhanahu Wata'ala seperti kesusahan, menerima musibah atau hajat yang tidak kesampaian atau seumpamanya sedangkan orang yang beriman tetap menerima qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala dengan berlapang dada dan rela hati.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dari riwayat Al-Imam Muslim :

**Maksudnya :**

*"Daripada Syuaib ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Betapa ajaibnya orang-orang yang beriman itu. Sesungguhnya semua perkara adalah baik bagi mereka. Dan tiadalah kebaikan itu kecuali bagi Mu'min. Jika memperolehi kegembiraan dia berterima kasih bererti kebaikan baginya dan jika ditimpa kesulitan dia bersabar bererti kebaikan baginya."*

Sesungguhnya dalam mencapai sesuatu hajat atau cita-cita kita perlulah ada usaha dan ikhtiar. Di samping itu agama kita juga menganjurkan untuk sentiasa memohon doa dan bertawakal atau berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Setelah itu, kita hendaklah reda, sama ada hasil yang akan diterima baik ataupun sebaliknya, janganlah berkata sesuatu yang menandakan rasa tidak puas hati dan tidak reda. Jika apa yang kita harapkan tidak tercapai dan belum dikabulkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

*"Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Jikalau engkau terkena oleh sesuatu musibah, maka janganlah engkau berkata : Andai kata saya mengerjakan begini, tentu akan menjadi begini dan begitu. Tetapi berkatalah : Ini adalah takdir daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya tentu dia melaksanakannya, sebab sesungguhnya ucapan andai kata itu membuka pintu godaan syaitan."*

Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Oleh itu, segala nikmat dan ujian, sama ada suka ataupun duka, susah ataupun senang, cepat ataupun lambat, semua itu mempunyai hikmah tersendiri yang mesti disyukuri dan diredai serta diterima dengan hati yang penuh ikhlas. Sesungguhnya jika kita reda terhadap qada dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka kita juga memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala akan tetapi barang siapa yang marah dan tidak menerima akan ketentuan Allah, maka ia akan mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam bersabda, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada An-Nas Radiallahuanhu ia berkata : *"Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barang siapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barang siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murkakepadanya."*

Oleh itu, marilah kita sama-sama membersihkan jiwa dan membetulkan niat kita dengan sentiasa reda dalam apa jua keadaan yang Allah Subhanahu Wata'ala tentukan, janganlah kita terlalu risau tentang dunia, kerana itu adalah urusan Allah, janganlah kita risau tentang rezeki, kerana rezeki itu adalah daripada Allah, janganlah kita risau tentang masa depan, kerana masa depan itu adalah ketetapan Allah akan tetapi apa yang mesti kita risaukan adalah mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadilah hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang benar-benar beriman dan bertakwa, patuh dan tunduk kepada segala perintah dan larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita sentiasa mendapat ketenangan jiwa dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Bayyinah, ayat 7 - 8 :

**Tafsirnya :**

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk. Ganjaran mereka di sisi Tuhan ialah syurga-syurga 'Adnin yang mengalir di bawahnya sungai-sungai mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda terhadap mereka dan mereka pula reda terhadapnya yang demikian itu ialah (ganjaran) bagi orang yang takut kepada Tuhannya."*

# Jerayawara barigakan maklumat asas ASEAN

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Golongan belia merupakan pewaris kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI, telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Ruang Legar Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana (SMS), Kampung Mata-Mata, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah SMS, Dayang Gazala binti Abdullah, dan turut dihadiri oleh 180 penuntut dari Tahun 8 sekolah tersebut.

Tujuan jerayawara ini adalah untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini, di samping meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN, serta mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Selain itu, ia juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah, sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan.

Tetamu kehormat juga turut menyampaikan hadiah-hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN dan diteruskan menyampaikan cenderahati kepada Pengetua Sekolah Menengah SMS.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut, dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.



PENUNTUT Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana mendengar taklimat berkenaan.

# Pupuk kesedaran sivik pelajar



KETUA Kluster, Dayang Norasurah binti Haji Meludin (dua, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Kumpul, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong,

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG,** Rabu, 4 April. - Seramai 372 pelajar Tahun 7, 9 dan Tahun 10 telah menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan di Dewan Kumpul, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Ketua Kluster, Dayang Norasurah binti Haji Meludin.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dan lagu patriotik Bendera Negara daripada penuntut Sekolah Menengah Muda Hashim, diikuti dengan tayangan video klip pendek bertajuk Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah dan Semarak Pengibaran Bendera Negara.

Program diteruskan lagi dengan tayangan video animasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara, diikuti dengan dengan taklimat bertajuk Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Acara juga diserikan dengan persembahan Deklamasi Sajak daripada penuntut sekolah berkenaan dan dimeriahkan lagi dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air, manakala hadiah-hadiah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada 15 penuntut yang berjaya menjawab kuiz berkenaan.

Program kelolaan Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan itu merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Objektif program tersebut ialah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, selain menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukkan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama, ianya adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.



DAYANG Norasurah (kanan) semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz kenegaraan dengan betul.

# Tingkatkan penggunaan bahasa Arab



PROGRAM Hayya Ilal Arabiah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam meneruskan lagi usaha menyebarluaskan penggunaan bahasa Arab ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.



ANTARA bahan-bahan pameran yang mengisikan Program Hayya Ilal Arabiah.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 April. - Program Hayya Ilal Arabiah yang dikelolakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) meneruskan lagi usaha menyebarluaskan penggunaan bahasa Arab ke Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Pengajian Islam (Profesional), Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh guru sekolah, Awang Azman bin Haji Jaya.

Seterusnya, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua Jabatan Bahasa Arab, Dayang Nor Muliani binti Haji Abd. Hamid diikuti taklimat ringkas mengenai aktiviti yang diadakan oleh Penolong Ketua jabatan tersebut, Dayang Nurul Qurratul Aini binti Haji Pungut. Pelbagai aktiviti yang dijalankan, antaranya melabel anggota badan dengan perkataan yang betul, menyebut kod warna, menyusun huruf, soalan kuiz, *crossword puzzle* dan bina ayat.

Program yang dirasmikan November tahun lepas itu diadakan secara bergilir-gilir sebagai usaha JPI memperkasa kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah Arab.

Inisiatif tersebut diharap dapat menyuntik, mendidik, mengasuh dan memupuk minat mereka dalam bahasa Arab, di samping meningkatkan keupayaan pertuturan dengan mudah.

Selain itu, dapat membina sahsiah dan keyakinan diri pelajar ke arah generasi cemerlang dan terbilang serta mempertingkatkan kerjasama antara guru dan pelajar.






Oleh dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

# Gegawi



AWANG Abu Samah bin Haji Damit dan isterinya, Dayang Nur Liyana binti Abdul Rahman ketika ditemui di kawasan Pasar Pantai Jerudong



GEGAWI atau lebih dikenali sebagai sudu ataupun senduk diperbuat daripada kayu yang pada kebiasaannya digunakan untuk memasak atau menumis sejak zaman dahulu lagi sehinggalah ke hari ini.

Selalunya yang biasa kita lihat menggunakan gegawi tersebut ialah golongan warga emas yang tinggal di kawasan pedalaman dan perkampungan dan juga sebahagian kaum ibu yang tidak biasa menggunakan senduk konvensional.

Gegawi selalunya dibuat daripada kayu kulimpapa dan direka bentuk ke pelbagai saiz daripada kecil hingga bersaiz besar yang digunakan bagi menggaul nasi di dalam belangga besar.

Awang Abu Samah bin Haji Damit dan isterinya, Dayang Nur Liyana binti Abdul Rahman adalah merupakan pasangan yang berjaya menghasilkan lebih kurang 100 gegawi dalam masa seminggu.

Menurut Awang Abu Samah, untuk menghasilkan gegawi yang berkualiti bukanlah mudah kerana beliau mesti ke hutan untuk memotong pohon kayu kulimpapa yang biasanya didapati daripada hutan di Merangking, Kuala Belait.

"Sebelum itu, permit dan kebenaran daripada pihak Jabatan Perhutanan mestilah dipohonkan dan bila sudah ada kebenaran, barulah saya akan ke hutan untuk memotong pohon kayu berkenaan," jelasnya.

Kayu-kayu yang dipotong katanya, akan dibawa balik dan akan dijemur bagi proses pengeringan sebelum dipotong menjadi bahagian-bahagian yang kecil tanpa menggunakan mesin.

Setelah itu ujarnya, barulah proses mengukur, membentuk dan menghaluskan kayu tersebut dijalankan sehingga menjadi gegawi.

Gegawi-gegawi yang sudah siap kemudiannya akan dijual secara tempahan ataupun boleh didapati di tempat beliau berjual, iaitu di di Tamu Tutong pada setiap hari Khamis dan kawasan Pasar Pantai Jerudong pada setiap hari Ahad.

Dayang Nur Liyana turut menjelaskan bahawa gegawi yang mereka jual tersebut bukan saja dibeli oleh pelanggan tempatan tetapi juga para pelancong yang begitu tertarik dengan kehalusan kayu dan buatannya.

Hasil kerja tangan kedua pasangan berkenaan juga disertakan di dalam Satu Kampung Satu Produk (1K1P) di bawah Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'A' yang mana pada tahun lalu beliau adalah merupakan salah seorang wakil negara bagi menyertai Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) di Nanning, Republik Rakyat China.

Sambutan jualan gegawi di sana begitu menggalakkan sekali sehingga gegawi-gegawi yang dibawa telah habis dijual dalam masa sehari sahaja, iaitu sebanyak 150 gegawi.

Ini menunjukkan gegawi buatan Brunei begitu diminati sehingga mampu menarik perhatian orang luar dan harga yang ditawarkan juga berpatutan, iaitu diantara BND3.00 hingga BND15.00 mengikut saiz dan reka bentuknya.

Pada hari ini, kebanyakan masyarakat kurang memberikan penghargaan khususnya dalam seni ukiran kayu malah masyarakat juga kurang menitikberatkan produk yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan.

Kebanyakan masyarakat tempatan kurang beri perhatian terhadap produk tempatan terutama hasil ukiran kayu malah lebih berminat mendapatkan barangan kraf daripada negara luar seperti Indonesia dan Thailand.

Apa yang pasti, kita perlu hargai produk tempatan kerana ia sebenarnya berfungsi menunjukkan identiti kita sebagai rakyat Brunei yang ada nilai sentimental tersendiri.



GEGAWI-GEGAWI yang dijual semasa menyertai Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) di Nanning, Republik Rakyat China tahun lalu (kiri dan atas).

# Keistimewaan Kampung Kapok gamit pengunjung

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

**Kenali Negara Kitani**

KAMPUNG Kapok terkenal dengan keindahannya bukan sahaja pada suasana kampung yang aman damai, tetapi kisah-kisah lagenda yang tersembunyi di sebaliknya apatah lagi pada masa ini ia dijadikan sebagai salah satu lokasi pelancongan yang menarik seperti terbinanya Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang yang juga dijadikan sebagai tempat beriadah di kampung berkenaan.

Bagi keselesaan para pengunjungnya, beberapa kemudahan juga dibina termasuk laluan pejalan kaki dan laluan konkrit, kawasan letak kereta dan tandas awam. Dengan adanya pembisaian dan penyediaan kemudahan-kemudahan awam di taman riadah berkenaan, ia akan menonjolkan lagi Kampung Kapok sebagai salah satu kampung yang mempunyai tarikannya dan keistimewan tersendiri dan dapat dijadikan sebagai salah satudestinasi eko-pelancongan untuk kunjungan pelancong dalam dan luar negeri.

Kemudahan perjalanan yang disediakan memudahkan dan membolehkan para pengunjung menikmati keindahan pemandangan disekitarnya saujana mata memandang sambil menghirup udara segar.

### Latar Belakang

Kampung Kapok adalah sebuah kampung yang terletak di antara Bukit Tempayan Pisang dengan Laut Cina Selatan kira-kira 23 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan 4 kilometer dari Pekan Muara yang mempunyai keluasan 487.67 hektar.

Ia terbahagi kepada dua kawasan oleh jalan dari Bandar Seri Begawan ke Muara, iaitu, kiri dan kanan dalam pentadbiran Mukim Serasa, yang mana ia merupakan jalan yang mula-mula dibuat oleh Kerajaan Brunei ketika itu bertujuan untuk memberi kemudahan penduduk mukim ini untuk berulang-alik ke Bandar Seri Begawan sama ada untuk menjalankan tugas atau urusan-urusan persendirian.

Dengan keramaian penduduk hampir 5,000 orang yang terdiri daripada pelbagai puak dan ugama termasuk penduduk asal kampung ini yang terdiri daripada puak Melayu Kedayan dan ramai di antara mereka ini mempunyai hubungan kekeluargaan.

Dari segi kebudayaan masyarakat Melayu Kedayan dan Tionghua di Kampung Kapok pada masa sekarang mengalami perubahan yang begitu ketara dalam pelbagai sudut, termasuklah adat tradisional yang diamalkan seharian dan juga kepercayaan dalam setiap masyarakat ini.

Begitu juga dengan aktiviti ekonomi di Kampung Kapok yang mengalami perubahan mengikut arus kemodenan, urbanisasi dan globalisasi. Walau bagaimanapun, masyarakat kampung tetap mengusahakan aktiviti perekonomian bagi menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan hasil produk tempatan. Selain itu, penduduk yang ada masa ini perlu dikekalkan dan perlu diperkembangkan lagi agar ia dapat membantu mengekalkan warisan yang ada dikampung tersebut terutamanya dari segi adat warisan kebudayaan puak Melayu Kedayan.

Di bawah pentadbiran ketua kampung sekarang, kampung ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Kapok Kanan, Kapok Kiri dan Meragang, Pengalayan dan Bukit Kebun. Pembahagian ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengendalian dalam pentadbiran ketua kampung merancang dan membuat aktiviti-aktiviti kampung.




INILAH lagenda bersejarah Kampung Kapok iaitu kisah Gua Harimau.

### Asal-Usul Kampung Kapok

Secara keseluruhan, Kampung Kapok adalah sebuah kampung yang amat unik kerana sejarahnya. Menurut cerita beberapa warga emas yang ditemui, Kampung Kapok berasal daripada kisah lagenda di mana terdapat satu tempat yang mempunyai sebuah Pokok Kapok besar dikelilingi Pokok-pokok Kapok yang kecil. Pokok Kapok yang besar ini sering dikunjungi oleh para penduduk sekitarnya bagi mendapatkan buah pokok tersebut untuk dijadikan isi bantal. Kerana Pokok Kapok besar ini sering dikunjungi, para pengunjung yang datang dan pergi bersua di jalanan dan bertanya, "Kamu dari mana?" Rata-rata daripada mereka menjawab, "dari Kapok." Oleh kerana kebiasaan jawapan "Dari Kapok" itu maka terciptalah sebuah kampung yang diberi nama Kampung Kapok.

Alhamdulillah, usaha sama daripada MPK Kapok bagi mengekalkan sejarah pengambilan nama kampung ini telah dilaksanakan. Beberapa anak Pokok Kapok ditanam di beberapa tempat strategik. InsyaaAllah dalam masa 10 - 15 tahun akan datang, kita akan sama-sama melihat pokok-pokok Kapok di sepanjang jalan Kampung Kapok dan di beberapa buah rumah yang pada masa ini menanam anak pokok tersebut.

### 1K1P

MPK Kampung Kapok mula bergiat aktif pada tahun 2012 sebagai menyahut seruan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ke arah mengembangkan dan mempergiatkan lagi penglibatan penduduk kampung.

Taman riadah ini merupakan salah satu daripada usaha daripada MPK berkenaan dan para penduduk kampung untuk menghasilkan produk untuk diangkat dan ditonjolkan kepada orang ramai melalui inisiatif 'Satu Kampung Satu Produk' (1K1P) yang setentunya dapat memperkembangkan lagi perekonomian para penduduk kampung.

MPK Kapok menggunakan kaedah perniagaan secara dalam talian melalui Facebook dan sebagainya dengan menghasilkan kerepek pisang sehingga mereka berjaya menghasilkan lima perisa kerepek pisang merangkumi perisa kopi, pandan, milo, jagung dan durian dan pada tahun 2016, MPK Kapok menambah lagi dua perisa baharu, iaitu strawberi dan nangka. Selain itu, MPK Kapok juga menghasilkan agar-agar kering, kuih cacah, bahulu dan sebagainya yang juga menjadi tarikan pelancong untuk dijadikan buah tangan.




PRODUK keripik pisang rangup dan sedap merupakan produk terkenal di Kampung Kapok.



KAUM wanita sedang mengusahakan produk keripik pisang pelbagai rasa.

## Apa Pendapat Biskita?

# Jangan Gunakan Telefon Ketika Memandu

MANA-MANA negara di dunia ini melarang keras tindakan pemandu yang menggunakan telepon bimbit ketika memandu kerana ianya boleh menyebabkan orang lain tercedera atau terkorban malah membahayakan diri sendiri secara tidak sengaja.

Di negara ini, bagi pemandu yang menggunakan telefon ketika memandu boleh di kompaun atau dihadapkan ke mahkamah jika perbuatannya itu menyebabkan kecederaan pada orang lain.

Menggunakan telefon bimbit sewaktu memandu merupakan perbuatan atau tingkah laku bahaya atau *dangerous driving*.

Memandangkan kadar kemalangan di negara ini semakin meningkat maka sudah waktunya pihak berkuasa mengambil tindakan yang ketat ke atas pemandu-pemandu yang melakukan perbuatan yang tidak diingini tersebut namun hal itu bukanlah perkara mudah kerana pihak berkuasa harus memiliki bukti yang cukup dan sahih.

Kenapa menggunakan telefon bimbit semasa memandu dianggap bahaya, ini kerana pemandu akan hilang konsentrasi sepenuhnya kepada pemanduan.

Sekiranya berlaku sesuatu kecelakaan, pemandu sudah tentu tidak akan dapat mengawal kenderaan dengan baik dan selamat.

Antara cadangan yang boleh pemandu lakukan ketika menerima panggilan telefon ialah dengan berhenti di bahu jalan atau menggunakan alat *hands free set*.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai Jangan Gunakan Telefon Bimbit Semasa Memandu.

"Semasa kita memandu, apa saja jenis kenderaan, janganlah kitani membuat atau menjawab pangilan dari telefon termasuklah membalas SMS atau WhatsApp, kerana hal tersebut sangat membahayakan keselamatan diri kita mahupun pengguna jalan raya yang lain.

Patut juga kita elakkan ialah bermain game dalam telefon begitu juga menyaksikan Youtube dan yang lain. Kerana perbuatan itu juga boleh mendatangkan bahaya malah tidak mustahil ia boleh mengakibatkan kehilangan nyawa yang tidak berdosa.

Waktu kita melihat atau membalas SMS atau WhatsApp, mata, telinga dan fikiran kita tidak akan tertumpu pada jalan raya atau kenderaan yang kita pandu jadi tidak mustahil perkara-perkara yang bahaya boleh terjadi.

Dari itu berhati-hatilah mengunakan telefon bimbit biskita, jikapun terpaksa menggunakannya berhentilah ke tepi jalan raya buat seketika dan maklumkan yang diri awda sedang memandu." **- Laiho, Berakas.**

"Penggunaan telefon bimbit ketika memandu kenderaan dan menunggang motosikal merupakan penyebab kemalangan yang boleh menghilangkan nyawa orang lain yang tidak berdosa, walaupun di negara ini tidak ada statistik mengatakan perbuatan itu punca utama kemalangan jalan raya namun di negara jiran, kesalahan tersebut amatlah tinggi.

Kita sebagai rakyat dan penduduk di negara harus peka dan mengambil berat tentang kejadian yang boleh dielakkan tersebut.

Di negara ini, Majlis Keselamatan Jalan Raya atau agensi-agensi terkait haruslah menjalankan kajian terperinci bagi membuktikan ia satu perkara serius yang perlu diberi perhatian oleh semua pengguna jalan raya.

Sebenarnya telefon telah banyak mengubah kehidupan kita dengan kewujudan pelbagai aplikasi seperti WhatsApp dan mesej multimedia. Fungsinya bukan lagi menjadi telefon biasa sebaliknya telah menjadi telefon pintar dengan pelbagai kemudahan.

Hal itu juga mengubah soal keselamatan jalan raya dan menjadi cukup berbahaya apabila kita menggunakannya untuk melayari laman sosial, mengambil gambar, atau mencari lokasi ketika sedang memandu mahupun menunggang motosikal.

Jadinya elakkanlah menggunakan telefon ketika memandu sayangilah nyawa awda dan nyawa orang lain." **- Que, Terunjing.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-mel pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Jimatkan Penggunaan Air.**
**ii. Hadkan Kegiatan Luar Ketika Cuaca Panas dan Kering.**

# AMBD meterai perjanjian bersama Bank Usahawan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah menandatangani sebuah perjanjian 'Participant Service Agreement' dengan Bank Usahawan untuk bekerjasama dalam perkongsian maklumat kredit.

Bank Usahawan adalah sebuah bank yang baru ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam dan beroperasi untuk mendukung Perusahaan-perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang mana menawarkan pinjaman berkonsepkan syariah, dengan objektif untuk memudahkan PMKS untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan kewangan.

Menandatangani mewakili pihak AMBD ialah Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman, manakala pihak Bank Usahawan diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Udo Schedel.

Menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian tersebut ialah Penolong Pengarah Eksekutif (Biro Kredit) AMBD, Awang Mohammed Roaizan bin Haji Johari dan Pegawai Tugas-Tugas Kanan Bank Usahawan, Ahmad Alani.

Perjanjian yang ditandatangani ini menyediakan peruntukan bagi Bank Usahawan untuk menyalurkan maklumat kredit bagi mana-mana PMKS yang telah mendapat pembiayaan kewangan dari Bank Usahawan kepada Biro Kredit AMBD. Perjanjian ini juga membolehkan Bank Usahawan mendapatkan laporan kredit yang disediakan oleh Biro Kredit yang digunakan khusus untuk membantu Bank Usahawan dalam menilai keupayaan kredit pemohon-pemohon PMKS.

Objektif asas bagi kerjasama ini adalah untuk menyediakan Bank Usahawan dengan alat penilaian risiko kredit yang lebih baik dalam menentukan kesesuaian jenis pembiayaan yang akan ditawarkan kepada PMKS berdasarkan keupayaan mereka untuk membayar balik pinjaman.

Pada masa ini, pembekal-pembekal maklumat Biro Kredit terdiri daripada bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan Tabung Amanah Islam yang dilesenkan di Negara Brunei Darussalam. Selain itu juga, pembekal-pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan utiliti, iaitu DST Communications Sendirian Berhad, Telekom Brunei Berhad, Progresif Cellular Sendirian Berhad dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, turut membekalkan maklumat-maklumat bil tunggakan pelanggan mereka.

Biro Kredit juga telah menandatangani satu perjanjian yang sama dengan Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan dalam menyediakan maklumat yang menyeluruh mengenai kedudukan kewangan bagi pemohon-pemohon Skim Kemajuan Perumahan Negara.

Untuk keterangan lanjut mengenai Biro Kredit AMBD, sila layari *http://www.ambd.gov.bn/birokredit* atau e-mel *birokredit@ambd.gov.bn.*

# Warga tempatan ditahan bantu siasatan



SIDANG Media mengenai kebakaran di Pondok Jualan Bangunan Halimatul Saadiah Gadong yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Penguasa Polis Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani bertempat di Bilik Hikmah, Balai Polis Pusat bertempat balai polis BSB.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) kelmarin telah menerima satu laporan kes kebakaran di kawasan Premis Perniagaan, Gadong dan dipercayai ada hubung kait dengan perbuatan khianat.

Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan telah menerima panggilan kecemasan itu pada 4 April sekitar jam 3.14 pagi berhubung laporan satu kebakaran yang telah berlaku di Pondok Jualan Bangunan Halimatul Saadiah Gadong.

Perkara itu dijelaskan oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Penguasa Polis Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani pada Sidang Media mengenainya yang bertempat di Bilik Hikmah, Balai Polis Pusat, di ibu negara, di sini.

Menurut siasatan awal, saksi yang sedang tidur pada malam tersebut terjaga selepas mendengar bunyi bising dan mendapati asap tebal telah menyelubungi kawasan lorong bangunan tersebut dan dengan segera membawa keluarga saksi keluar dari kawasan tersebut.

Siasatan awal ke atas punca kebakaran tersebut mendapati terdapatnya unsur-unsur mencurigakan dan perbuatan khianat, iaitu kebakaran secara sengaja arson.

PDB berhasil menahan seorang lelaki warga tempatan, iaitu Awang Haji Ahmad bin Haji Tamin, 57 tahun yang dipercayai terlibat dan untuk membantu siasatan lanjut berhubung laporan kebakaran tersebut.

Hasil soal siasat terhadap suspek menyatakan bahawa dia telah pergi ke bangunan berkenaan dengan menggunakan sebuah kereta membawa bahan bakar yang berupa minyak tanah dengan niat untuk membakar salah satu pondok jualan di sana yang bertujuan untuk melepaskan geram kerana terasa disakiti hati oleh salah seorang pemilik pondok jualan tersebut.

Kertas penyiasatan telah pun dibuka dan kini kes disiasat di bawah seksyen 436 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu perbuatan khianat membakar dengan niat atau mengetahui bahawa dengan perbuatan itu seseorang boleh menyebabkan kemusnahan apa-apa bangunan dan jika sabit bersalah boleh dihukum penjara seumur hidup.

Pelita Brunei

# Sukan

**INFO SUKAN**

PAINTBALL merupakan sukan lasak yang memerlukan tenaga, keberanian, kerjasama dan kemahiran tektikal untuk menjayakan sukan ini. Ia mempunyai peraturan tersendiri dan dimainkan secara berkumpulan iaitu dua kumpulan bertanding dalam satu perlawanan di mana para pemain akan menggunakan pellet yang merupakan peluru cat yang diisi dalam senapang dipanggil marker. Peserta akan dikira terkeluar dari permainan jika terkena tembakan paintball pada anggota badan.

ePaper Pelita Brunei

# Riadah Bersama Keluarga Lamin Warisan



LOKASI Riadah Bersama Keluarga Lamin Warisan yang terletak di Kampung Tanjong Maya.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Dayang Zainon Rani

**TUTONG,** Rabu, 4 April. - Riadah Bersama Keluarga Lamin Warisan akan diadakan pada Sabtu, 14 April ini bertempat di Kampung Tanjong Maya bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Dayang Zainon binti Rani selaku Ahli Jawatankuasa (AJK) Lamin Warisan semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

"Tujuan Riadah Bersama Keluarga Lamin Warisan diadakan bagi mengeratkan lagi kekeluargaan, sanak saudara serta sahabat handai yang berminat memancing, memandangkan pada masa ini adalah musim udang.

Di samping itu juga, ia diadakan atas permintaan yang menggalakkan daripada pemancing untuk kami mengadakan riadah ini buat kali yang kedua," ujarnya.

Riadah tersebut anjuran bersama keluarga Bendahari Haji Gahafar bin Haji Saidi dengan Ahli Jawatankuasa Lamin Warisan.

Antara aktiviti yang akan dijalankan pada hari tersebut termasuk memancing dan gerai jualan selain beriadah bersama keluarga.

# Pendaftaran Kejohanan Trek dan Padang Kebangsaan 2018 kini dibukakan

Oleh :
Ihsan Media Permata

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 April. - Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam (BDAF) akan menganjurkan Kejohanan Trek dan Padang Kebangsaan 2018 pada 10, 11 dan 12 Mei ini di Kompleks Trek dan Padang JBS Tutong.

Kejohanan tersebut merupakan projek tahunan Persekutuan yang objektifnya sebagai medan keupayaan atlet-atlet negara di peringkat kebangsaan selain memberi peluang kepada para atlet menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Sehubungan itu, individu-individu dan belia-belia yang berhasrat untuk menyertai kejohanan itu nanti, bolehlah mendapatkan borang di Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam Bilik 4, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bagi peringkat senior lelaki dan wanita antara acara yang dipertandingkan adalah 100 meter, 110 dan 100 meter berhalangan, 200 meter, 400 meter berhalangan, 800 meter, 1,500 meter, 5,000 meter, 4x100, 4x400 dan 4x100 campuran dua lelaki dan dua wanita.

Manakala pada acara padang pula termasuk Lompat Jauh, Lompat Kijang, Lontar Peluru, Lompat Tinggi, Lempar Cakera dan Lempar Tukul Besi.

Turut diadakan nanti ialah kategori bagi bawah 20 tahun lelaki dan wanita, bawah 18 tahun lelaki dan wanita dan bawah 15 tahun bagi acara 60 meter dan lompat jauh sahaja.

## Tahukah Awda

**STATISTIK** jumlah kemalangan memaparkan peningkatan dari 3,375 kes pada tahun 2016 kepada 3,552 kes pada tahun 2017, iaitu 2,684 jumlah kemalangan yang dilaporkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan 868 kemalangan ringan yang dilaporkan oleh Brunei Insurance and Takaful Association (BITA).

Dari jumlah keseluruhan kemalangan yang direkodkan pada tahun 2016,terdapat penurunan sebanyak 53 peratus dalam jumlah kehilangan nyawa akibat kemalangan jalan raya jika dibandingkan dengan tahun 2015. Walau bagaimanapun, jumlah ini meningkat sebanyak 71 peratus pada tahun 2017 yang merekodkan 29 kehilangan nyawa jika dibandingkan dengan tahun 2016.

**SUMBER :** Teks ucapan Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa Mesyuarat Kedua Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) 2018 pada Khamis, 4 Rejab 1439 Hijrah bersamaan 22 Mac 2018 bertempat di Dewan Al-Mahabbah, Tingkat 1, Kementerian Perhubungan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**PERCAYA KEPADA QADA DAN QADAR SALAH SATU RUKUN IMAN**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجا‌ٴن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.